

## B A B IV

### PELAKSANAAN KONSEP *AL-MUSHĀRAKAH* DALAM PERJANJIAN JARIMATIKA INDONESIA

#### 4.1. Pendahuluan

Sebagai satu bentuk perusahaan, perkembangan *francais* di Indonesia dari setahun ke setahun menunjukkan peningkatan yang ketara dan memberangsangkan. Ramai kalangan usahawan memilih bentuk *francais* bagi mengembangkan lagi syarikatnya berbanding dengan sistem perniagaan lain, disebabkan oleh konsepnya yang sederhana, kejayaannya yang telah teruji, modal yang tidak terlalu besar, manakala keuntungan diperolehi pula agak lumayan.

*Francais* bukan sahaja menjadi pilihan bagi kalangan yang menawarkan perniagaan barangan, akan tetapi para pengusaha dalam bentuk perkhidmatan pula menjadikannya sebagai satu model pengembangan keusahawanan yang menjanjikan keuntungan yang lebih. Begitu pula kalangan yang menceburi bidang pendidikan dan kelas-kelas tuisyen, mengembangkan konsep dan sistem belajarnya dengan menawarkan kepada mana-mana pihak untuk menubuhkan cawangan. Antaranya adalah Jarimatika Indonesia yang merupakan salah satu pusat bimbingan dan penyeliaan belajar asas matematik, sebagai salah satu *francais* yang mampu bertahan dan terus berkembang di pelosok tanah air. Jarimatika menggunakan sistem penjualan lesen yang merupakan antara bentuk konsep *francais*.

Pada bahagian seterusnya, penulis akan memaparkan konsep *francais* Jarimatika Indonesia dengan memberi tumpuan kepada akad perjanjian yang dibuat antara *francaisi* dengan *francaisor*. Pada bahagian akhir bab ini akan dijelaskan kesesuaiannya dengan konsep *francais* secara umum dan hukum hakam perjanjian mengikut perspektif Islam.

## 4.2. Pengenalan dan Sejarah Penubuhan Jarimatika Indonesia

### 4.2.1. Penubuhan Jarimatika

Konsep ini dipelopori oleh seorang suri rumah, Septi yang selalu menghantarkan anaknya belajar matematik asas metod sempoa. Apabila alat penghitungannya sering rosak kerana digunakan untuk bermain oleh anaknya, Septi mencari alternatif lain untuk mengajar subjek matematik asas. Diapun kemudian berhasrat untuk mengajar langsung anaknya, lalu ia mengikuti kursus pengajaran matematik sempoa agar ia dapat mengajar anaknya kelak dengan kaedah yang lebih disukai. Akhirnya ia mendapat inspirasi selepas melihat keseronokan anak pertamanya yang suka memainkan jari jemarinya. Dia menemukan idea untuk memindahkan cara penghitungan sempoa dengan menggunakan jari, kemudian dia memberi tumpuan yang lebih kepada pengiraan satuan, puluhan bahkan ratusan.<sup>1</sup>

Beberapa kaedah yang ditemukan dalam pengiraan tersebut kemudian ia latih dan sempurnakan menjadi satu konsep baru, sehingga anak sulungnya berasa lebih mudah untuk menyelesaikan soalan-soalan asas matematik dengan cepat. Pada mulanya, Ibu Septi tinggal di Depok Jawa Barat mengajarkan asas matematik itu kepada anaknya sendiri. Apabila konsep pengiraan ini diajar kepada anaknya, konsep ini menampakkan kesan baik kerana diminati dan memudahkan mata pelajaran matematik di sekolah anaknya. Seterusnya Ibu Septi menerapkan pula kepada rakan-rakan anaknya yang tinggal berhampiran dengan rumah mereka, yang dapat mereka terima dengan hasil yang agak berkesan. Anak-anak jiran dan rakan-rakan Ibu Septi juga mendapati keberkesanan konsep pengiraan matematik yang telah dibuatnya. Selepas itu dia semakin yakin bahawa konsep pengiraan Jarimatika dapat diterima oleh lebih ramai anggota masyarakat.<sup>2</sup>

Selapas berjaya memantapkan konsep pengiraan menggunakan jari, Ibu Septi mendapat tawaran untuk mengajarkannya kepada keluarga lain. Jarimatika mula ramai

---

<sup>1</sup> Laman sesawang Berita *Kompas*, <http://cetak.kompas.com/read/xml/2008/04/18/01045496#>

<sup>2</sup> "Septi Peni Wulandani, Dengan Jari Mengubah Segalanya," *Suara Hidayatullah*, Mac 2008, 66.

diminati masyarakat sekitar bandar Depok. Akan tetapi tidak lama kemudian dia perlu kembali ke kampung suaminya di Salatiga Jawa Tengah untuk merawat ayah mertuanya yang sedang sakit. Pada ketika itu ia berfikir, bahawa ia mesti menguburkan cita-cita yang akan mengembangkan konsep jarimatika di Bandar Depok.

Tak disangka bahawa beberapa stesen TV mencari beliau di Depok untuk membentangkan konsep Jarimatika pada salah satu rancangan di stesen tersebut. Disebabkan beliau telah menetap di bandar Salatiga maka mereka mencari alamat rumah ibu Septi. Akhirnya, mereka dapat menjumpai alamat rumah ibu Septi yang telah berpindah ke bandar Salatiga.

Selepas pembentangan di salah satu rancangan TV Indonesia, Jarimatika mula diketahui ramai masyarakat. Sejak itu, Jarimatika mendapat perhatian dari ramai kalangan terutama para ibu dan dunia pendidikan. Tawaran demi tawaran semakin ramai, sehinggalah kemudian di Salatiga ini Septi Peni Wulandani mula mengembangkan kembali konsep Jarimatika yang pernah berkembang sebelumnya di bandar Depok.

Dari situlah Ibu Septi Peni Wulandani memutuskan untuk menubuhkan sebuah syarikat yang bergerak di bidang latihan dan pengajaran konsep matematik asas. Usaha ini dilakukan bagi mengembangkan konsep latihan dan keusahawanan yang dapat menjana ekonomi rumah tangga. Pusat penyeliaan dan latihan ini dinamakan Jarimatika Indonesia. Dari Salatiga ini pula Jarimatika Indonesia berkembang menjadi satu pusat latihan dan pendidikan yang mengguna sistem francais.

Sebenarnya, usaha yang dibuat Ibu Septi ini menjadi satu kaedah yang memudahkan para orang tua yang selalu berdepan dengan permasalahan ketika membimbing anaknya untuk memahami konsep matematik. Ramai kanak-kanak yang belajar matematik secara terpaksa disebabkan oleh kerana mereka kurang minat. Perkara ini akan menyebabkan anak dan ibu serasa tidak selesa, manakala markah yang dicapai anak pula tidaklah optimal. Selalunya matematik dirasakan sebagai satu subjek yang

menakutkan dan tidak diminati kerana ia memberi kesan susah untuk dipelajari. Justeru konsep Jarimatika ini menghilangkan rasa takut pelajar, mudah dipelajari dan berkesan bagi kanak-kanak yang mempelajarinya semenjak berumur tiga tahun.<sup>3</sup>

Konsep Jarimatika ini menggunakan kaedah yang sederhana dan tidak banyak menggunakan modal yang besar dalam pelaksanaannya. Jarimatika mempunyai sistem belajar matematik dengan menggunakan jari jemari pada kedua-dua belah tangan. Tangan kanan digunakan untuk mengira bilangan satuan, manakala yang kiri pula untuk mengira bilangan puluhan.

Dengan jari jemari seorang pelajar, konsep ini dapat digunakan untuk kaedah operasi penambahan, pengurangan, perkalian dan pembahagian. Alatnya pun sangat sederhana, akan tetapi mampu menghasilkan konsep yang luar biasa. Berbanding dengan kaedah matematik asas lainnya, alat bantu yang mudah didapati dan tidak perlu dibeli. Juga tidak susah untuk menyimpan dan membawanya, tidak memberatkan beban kerja kerja minda, manakala ia juga memberi kesan yang mendalam kepada pelajar kerana cara menggunakannya tidaklah susah.<sup>4</sup>

Dalam Jarimatika ada empat operasi asas matematik, campur, tolak, darab dan bahagi. Empat operasi matematik itu menggunakan jari-jari pada kedua-dua belah tangan. Jari-jari pada tangan kanan digunakan untuk mengira nombor satu sampai sembilan, manakala jari tangan kiri untuk mengira nombor puluhan, iaitu sepuluh, dua puluh, tiga puluh sampai sembilan puluh.

Jari yang digunakan untuk menunjukkan satu nombor akan dibuka, manakala jari yang lain ditutup ketika tidak digunakan. Bermula daripada cara menunjukkan nombor satu dengan cara membuka telunjuk jari kanan, nombor dua membuka jari telunjuk dan jari tengah, nombor tiga membuka jari telunjuk, jari tengah dan jari manis.

---

<sup>3</sup> Septi Peni Wulandani (Pendiri Francais Jarimatika Indonesia), dalam temubual dengan penulis, Sabtu 19 April 2014.

<sup>4</sup> "Belajar Matematika dengan Jari Tangan," *Berani*, 6 September 2006, 6.


Untuk nombor empat membuka semua jari kecuali ibu jari. Membuka ibu jari dan menutup jari-jari tangan kanan untuk menunjukkan nombor lima, manakala nombor enam dengan cara membuka ibu jari dan jari telunjuk, dan seterusnya.

Perincian pengiraan nombor satuan dapat dilihat pada gambar dan jadual di bawah ini dengan mengguna jari sebelah tangan;

Jadual 4.1 Kaedah Pengiraan Campur Sistem Jarimatika Indonesia

Nombor	Jari Yang Diguna	Nombor	Jari Yang Diguna
1	Telunjuk	2	Telunjuk dan Jari Tengah
3	Telunjuk, Jari Tengah dan Jari Manis	4	Telunjuk, Jari Tengah, Jari Manis dan Kelingking
5	Ibu Jari	6	Ibu Jari dan Telunjuk
7	Ibu Jari, Telunjuk dan Jari Tengah	8	Ibu Jari, Telunjuk, Jari Tengah dan Jari manis
9	Ibu Jari, Telunjuk, Jari Tengah, Jari Manis dan Jari Kelingking (membuka 5 jari sebelah tangan kanan)	10	Hanya mengguna jari telunjuk tangan kiri dan menutup semua jari yang lain, samaada jari tangan kanan mahupun tangan kiri

Sumber: Buku Kaedah Pengiraan Jarimatika Indonesia.




Kemudian untuk mengira nombor puluhan menggunakan jari-jari tangan kiri sepertimana jari tangan kanan diguna untuk nombor satuan. Dimulakan dengan nombor sepuluh dengan cara membuka jari telunjuk sahaja, nombor dua puluh dengan cara membuka jari telunjuk dan jari tengah, nombor tiga puluh dengan cara membuka jari telunjuk, tengah dan jari manis dan seterusnya.

Penjelasan pengiraan nombor puluhan mengguna jari tangan kiri dapat dilihat pada jadual dan gambar di bawah ini;

Jadual 4.2 Jadual Pengiraan Tolak Sistem Jarimatika Indonesia

Nombor	Jari Yang Diguna	Nombor	Jari Yang Diguna
10	Telunjuk	20	Telunjuk dan Jari Tengah
30	Telunjuk, Jari Tengah dan Jari Manis	40	Telunjuk, Jari Tengah, Jari Manis dan Kelingking
50	Ibu Jari	60	Ibu Jari dan Telunjuk
70	Ibu Jari, Telunjuk dan Jari Tengah	80	Ibu Jari, Telunjuk, Jari Tengah dan Jari manis
90	Ibu Jari, Telunjuk, Jari Tengah, Jari Manis dan Jari Kelingking (membuka 5 jari sebelah tangan kanan)		

Sumber: Buku Kaedah Pengiraan Jarimatika Indonesia.



Pada gambar terlihat bahawa gambar jari telunjuk kiri untuk menunjukkan nombor sepuluh, dua puluh dilambangkan dengan jari telunjuk dan tengah sebelah kanan, manakala tiga puluh dilambangkan dengan membuka jari telunjuk, jari tengah dan jari manis sebelah kiri. Demikianlah seterusnya sampai pengiraan nombor Sembilan puluh dengan membuka semua jari tangan kiri.

Contoh cara pengiraan bagi soalan satu campur tiga tolak dua campur dua ( $1+3-2$ ) ialah dengan cara murid akan menggunakan jari-jari tangan kanan, dan membuka jari telunjuk untuk nombor satu, kemudian membuka jari tengah, jari manis dan jari kelingking untuk menambah nombor tiga, tolak dua dengan cara menutup semula jari kelingking dan jari manis, setelah itu barulah didapati hasilnya, iaitu jari telunjuk dan jari tengah kekal terbuka, ini bererti jawapan untuk soalan  $1 + 3 - 2$  adalah dua. Demikianlah seterusnya pengiraan campur dan tolak dapat dikembangkan.

#### 4.2.2. Aktiviti Jarimatika Indonesia

Jarimatika mempunyai prinsip bahawa ibu bapa adalah guru pertama dan yang utama bagi anak-anaknya. Oleh itu, secara khusus seorang ibu mesti pandai dan menguasai banyak ilmu untuk kemajuan mereka. Ibu bapa mestilah menjadi pakar dalam mendidik anak-anaknya. Walaupun begitu seseorang ibu lebih rapat dengan anak-anaknya. Ini kerana kebanyakan kaum ibu lebih ramai yang bekerja di rumah. Jarimatika ini adalah satu kaedah bagi seseorang ibu untuk mengajarkan asas pengiraan dalam subjek matematik, memandangkan kaum ibu adalah orang yang amat rapat dengan anaknya.

Ada beberapa kursus yang disediakan oleh pentadbir Pusat Jarimatika, iaitu kursus asas dan menengah Jarimatika untuk ibu bapa, kursus asas dan menengah untuk guru serta pengelola unit, dan kursus untuk para pelatih. Dari beberapa kursus yang disediakan, tampak dengan jelas bahawa Jarimatika bukan sahaja diperuntukkan kepada pihak-pihak yang membeli lesen, tetapi masyarakat sekitar yang merupakan jiran yang tinggal bersebelahan dengan pusat Jarimatika turut mendapat manfaat untuk mengikuti kursus-kursus asas Jarimatika. Mengikut pandangan Ibu Septi bahawa perkara itu ialah satu usaha perkhidmatan Jarimatika terhadap masyarakat sekitar. Ini kerana bagi Jarimatika masyarakat adalah lingkungan pertama yang telah berjasa menguji konsep jarimatika pada awal kemunculannya, sehingga pemilik jarimatika sedia menjadikan masyarakat sekitar sebagai tempat berkhidmat memberikan kebaikan.<sup>5</sup>

Kursus-kursus tersebut pada awalnya dimulai dengan percubaan ke beberapa orang tua murid di salah satu Pusat Pendidikan Asas Al Qur'an yang kebanyakan mereka adalah peniaga sayur, buruh cuci, dan beberapa ibu rumah tangga yang tidak bisa menyekolahkan anak-anak mereka ke Taman Kanak-kanak (Tadika) karena masalah kewangan. Hasilnya begitu menggembirakan, ibu-ibu tersebut menguasai ilmu jarimatika dengan mudah dan segera mempraktikkannya bersama anak-anak mereka sehingga anak-

---

<sup>5</sup> Septi Peni Wulandani (Pendiri Francais Jarimatika Indonesia), dalam temubual dengan penulis, Sabtu 19 April 2014)

anak mereka sangat terbantu dalam menguasai ilmu jarimatika secara mudah dan menyenangkan.<sup>6</sup>

Seiring berjalannya waktu, semakin banyak ibu-ibu yang ingin mengikuti pelatihan-pelatihan Jarimatika, karena selain mendapatkan ilmu Jarimatika mereka juga mendapatkan ilmu dan kaedah pengasuhan anak yang baik, sehingga bisa mendidik anak-anak mereka dengan lebih mudah dan menyenangkan.

Alhamdulillah perhatian masyarakat amat memberangsangkan dengan munculnya Jarimatika. Apatah lagi setelah muncul satu artikel Jarimatika di Majalah Tempo dan ditayangkan di Trans TV menambah lagi rasa ingin tahu masyarakat tentang Jarimatika, sehingga mengakibatkan salah satu televisi luar negeri dan beberapa media yang ada ingin meliput kegiatan Jarimatika.<sup>7</sup>

Perancangan lain adalah penerbitan buku. Cadangan ini disambut baik oleh kawan Ibu Septi yang memiliki satu syarikat penerbitan buku yang bernama Penerbit Kawan Pustaka. Dia bersetuju untuk menerbitkan buku pertama Jarimatika. Buku yang diterbitkan ini disusun secara sederhana, nipis, memperbanyakkan gambar agar lebih diminati dan mudah dibaca dan difahami oleh kanak-kanak. Penerbitan buku pertama Jarimatika ini diikuti dengan penerbitan buku yang lain, antaranya ialah buku kaedah asas membaca, buku Calistung, buku Bintang sebagai buku motivasi bagi kanak-kanak. Buku tentang Lagu Jarimatika dan Permainan AbacaBaca pula diterbitkan bagi menambah sempurna pembelajaran Jarimatika ini.

Selepas menerbitkan buku, Jarimatika mencipta pula alat-alat bantu belajar Jarimatika dan AbacaBaca. Proses pembuatannya dilakukan oleh ibu-ibu suri rumah. Mereka mendapatkan pola-pola gambar dan bentuk alat peraga kemudian merangkaikannya menjadi satu alat peraga, dan pada setiap alat peraga mereka akan

---

<sup>6</sup> "Dengan Jari Membuka Dunia," *Tempo*, Julai 2006, 39.

<sup>7</sup> Septi Peni Wulandani (Pendiri Francais Jarimatika Indonesia), dalam temubual dengan pengkaji, Sabtu 19 April 2014.



mendapatkan tambahan pendapatan sekitar Rp5000 – Rp15000 sesuai dengan tingkat kesukarannya.

Dalam satu hari, mereka dapat menyelesaikan sekitar 1-3 alat peraga, dan selalu mereka lakukan di rumah sambil mengamati proses bermain permata hati mereka. Proses ini meningkatkan pengalaman Ibu Septi. Berhubungan rapat dengan para ibu-ibu menjadi penyebab memunculnya idea-idea positif lainnya. Secara umum, Ibu Septi mendapati bahawa para ibu rumah tangga atau suri rumah yang memiliki pendapatan itu memiliki pandangan positif dan tahap percaya diri yang lebih tinggi.

Ada beberapa fakta menarik lain yang didapati oleh Ibu Septi sebagai pemilik Jarimatika, antaranya ialah meningkatkan kesedaran para ibu rumah tangga, bahwa yang mereka lakukan adalah pekerjaan yang sangat mulia, mengajar dan mendidik anak-anak menggunakan konsep Jarimatika, dan mereka juga boleh mendapatkan penghasilan. Bahkan Jarimatika dapat diterima dengan mudah oleh anak-anak istimewa, seperti anak-anak autis dan penderita buta.<sup>8</sup>

#### **4.2.3. Pengembangan Jarimatika Indonesia kepada Sistem francais**

Dalam temu bual yang telah dijalankan, Septi Peni Wulandani pada peringkat awal tidak berniat untuk mengembangkan aktiviti jarimatika dengan konsep francais. Ini kerana matlamat utamanya ialah untuk mengajar konsep asas matematik yang berkesan kepada anaknya sendiri dan kepada sesiapa yang berminat untuk mengembangkan konsep pengiraan ini.

Matlamat utamanya ialah memberikan kaedah pengajaran sederhana matematik asas kepada kaum Ibu yang akan mengajarkan anaknya secara baik, profesional dalam mendidik serta menyokong kejayaan mereka. Jarimatika merupakan antara kaedah yang ia cipta untuk membantu kanak-kanak belajar asas matematik mudah dan berkesan. Bagi

---

<sup>8</sup> “Jarimatika Tidak Bisa Disita Saat Ulangan,” *Berani*, 6 September 2006, 8.

kaum Ibu yang mampu mengajarkan asas matematik Jarimatika kepada anaknya, secara tidak langsung akan menjalin hubungan yang rapat antara kedua-duanya, manakala seorang anak akan semakin menguasai kaedah asas matematik dan berjaya mendapat konsep baru dalam pengiraan.<sup>9</sup>

Penemuan konsep Jarimatika ini tidak langsung dicipta begitu sahaja, tahapan demi tahapan dilalui oleh Ibu Septi, setiap penemuan baru yang boleh menyempurnakan konsep Jarimatika ditulis olehnya. Tulisan-tulisan ini seterusnya dikumpulkan atas cadangan sahabat Ibu Septi yang bekerja di sebuah penerbitan buku, bahkan dicadangkan untuk diterbitkan dalam sebuah buku yang berisi tentang tata cara pengiraan Jarimatika. Cadangan tersebut akhirnya diizinkan oleh Ibu Septi, kemudian terbitlah buku pertama Jarimatika.

Buku pertama yang terbit ini kemudian menyebar di pelbagai bandar di Indonesia. Ramai masyarakat, terutama kaum Ibu yang kenal dan berminat untuk belajar Jarimatika agar dapat mengajarkannya kembali kepada anak-anaknya. Ibu Septi juga selalu dijemput hadir dalam pelbagai seminar dan bengkel-bengkel latihan untuk mengenalkan konsep Jarimatika. Sehari kesehari masyarakat mula kenal dan tertarik dengan konsep ini, bahkan ada pihak yang memberi cadangan kepada beliau untuk mengembangkan jaringan Jarimatika dengan sistem Francais. Manakala dari aspek ekonomi pula dapat menjana pendapatan kaum ibu.<sup>10</sup>

Proses persediaan mengembangkan Jarimatika kepada sistem Francais mula dilakukan. Ibu Septi dibantu sang Suami mengkaji selok belok sistem francais untuk diaplikasikan pada pengembangan kelas-kelas Jarimatika di kawasan lain di Indonesia. Konsep Jarimatika yang sedia ada pula terus disempurnakan bagi memastikan dapat mencapai tahap keberkesanan dengan modul dan bahan-bahan yang diajar.

---

<sup>9</sup> “Seorang Ibu Memang Harus Profesional,” *Tarbawi*, 28 September 2006, 46.

<sup>10</sup> *Ibid.*

Tepat pada 29 Juni 2006 secara rasmi Jarimatika Indonesia mendaftar sebagai satu lembaga yang mempunyai jenama yang dilindungi oleh undang-undang. Seterusnya mendapat perakuan daripada Kementerian Hukum dan Hak Asasi Manusia sebagai satu Yayasan yang menjalankan kursus pendidikan, latihan, pengajaran dan seminar-seminar serta simposium, sekolah tidak formal, dan peperiksaan kursus, berkuat kuasa pada 27 Disember 2006.

Pendaftaran jenama pada lembaga khusus akan pelbagai penemuan dan idea pemikiran oleh mana-mana pihak dilakukan agar tidak dapat digunakan oleh pihak lain bagi matlamat yang tidak diinginkan oleh penemu, sama ada bagi mendapat keuntungan mahupun diakui sebagai hak milik pihak tertentu. Dalam hal ini, pihak kerajaan Indonesia telah membuat perundang-undangan yang mengatur perkara itu sesuai dengan perjanjian Antarabangsa, antaranya UU No. 12 tahun 1997 tentang Hak Cipta, UU No. 30 tahun 2000 tentang Rahasia Dagang (rahsia perniagaan), UU No.14 tahun 2001 tentang Hak Paten dan UU No. 15 tahun 2001 tentang Merek (jenama).<sup>11</sup>

Semenjak mendaftarkan jenama pada tahun 2006, Jarimatika Indonesia semakin berkembang di pelbagai daerah di Indonesia. Ini kerana pihak Pusat Jarimatika terus mengenalkan konsep Jarimatika ini kepada masyarakat melalui seminar-seminar dan liputan media masa, di samping informasi yang menyebar melalui seseorang ke seseorang lain, dan kemudian jumlah francais yang mendaftar semakin ramai dari tahun ke tahun. Sampai pada tahun 2014 pihak manajemen Jarimatika melaporkan seramai 135 unit ketika ini yang aktif yang tersebar hampir di seluruh kawasan Indonesia.<sup>12</sup>

Dari pengamatan penyelidik di Jarimatika Pusat (francaisor) yang berada di bandar Salatiga, pada masa kini ada kurang lebih 20 kelas formal dengan siswa pada

---

<sup>11</sup> Direktorat Jendral Industri Kecil Dan Menengah Departemen Perindustrian, “Kebijakan Pemerintah Dalam Perlindungan Hak Kekayaan Intelektual Dan Liberalisasi Perdagangan Jasa Profesi Di Bidang Hukum”. (Jakarta: Departemen Perindustrian RI, 2007), 1-4.

<sup>12</sup> Yang dimaksud aktif ialah, pihak unit secara rutin melaporkan perkembangan aktiviti Jarimatika di kawasannya. Yunita ariyanti (Pentadbir Pusat Jarimatika Indonesia), dalam temu bual dengan pengkaji, 5 Mei 2014.

setiap kelasnya mencapai rata-rata 8-10 orang murid. Jadi, total murid yang belajar di Jarimatika Pusat sekitar 180 - 200 orang murid. Ini menunjukkan minat masyarakat sekitar terhadap konsep Jarimatika.<sup>13</sup> Begitu pula unit-unit lainnya, seperti Unit Jarimatika Tuasan Medan dengan jumlah murid sekitar 50-80 orang.<sup>14</sup> Bahkan unit Jarimatika Payakumbuh yang ditadbir oleh Fonike Cornelia di Sumatera Barat telah mengambil seramai 135 pelajar dengan 15 kelas dan 5 orang guru. Ini menunjukkan bahawa masyarakat masih memberi sambutan dengan menyertai kelas Jarimatika, meskipun pada ketika ini ramai ditubuhkannya pusat-pusat pelatihan pendidikan yang mengajarkan asas matematik untuk kanak-kanak.

Walaupun begitu, tidak diingkari bahawa ada ramai unit yang tidak lagi menjalankan kelas Jarimatika. Penyelidik mendapati ada unit jarimatika yang berhenti dengan sendirinya, disebabkan pentadbir berkenaan mengikut suami yang berpindah tempat tinggal, seperti unit Jarimatika Annur Medan dan beberapa unit lainnya di Sumatera Utara yang memutuskan kontrak kerjasama dengan pelbagai sebab lainnya.

Daripada temu bual yang dijalankan, Siti Nurhidayah mengatakan :

Pada peringkat awal, ramai yang mendaftar untuk menjadi unit Jarimatika. Daripada Medan ketika itu ada enam unit mendaftar, tapi seiring berjalan waktu ramai pula yang tidak lagi aktif, termasuk unit kami disebabkan saya harus berpindah ke daerah lain. Menurut saya ada beberapa faktor, antaranya persaingan dengan pusat tuisyen lain, kerana Medan ini termasuk bandar besar di Indonesia. Jadi, ramailah pusat-pusat tuisyen tumbuh disini. Yang kedua, mulai kurangnya pengawasan dan seliaan kepada unit-unit yang ada. Saya melihat kerana Ibu Septi kekurangan sumber manusia untuk mentadbir semua unit yang ada.<sup>15</sup>

Siti Nurhidayah menjelaskan bahawa pada peringkat awal ada enam unit jarimatika yang ada di Sumatera Utara, akan tetapi sekarang yang masih aktif menjalankan francais Jarimatika Indonesia hanyalah Unit Dzaki di Jalan Tuasan Medan.

---

<sup>13</sup> Data diambil daripada pengamatan terus dan di konfirmasi kepada Yunita Ariyanti sebagai Pengerusi Pusat Jarimatika Indonesia di Salatiga

<sup>14</sup> Muhammad Syaifuddin (Pengerusi Jarimatika Unit Dzaki Medan), dalam temubual dengan penyelidik, Ahad 20 April 2014.

<sup>15</sup> Siti Nurhidayah (Pentadbir Jarimatika Indonesia unit Annur Prima Medan), dalam temu bual dengan penyelidik, Rabu 20 Ogos 2014

Dalam pandangan Siti Nurhidayah, bahawa keadaan ini disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama disebabkan kurangnya kawalan dan seliaan yang dilakukan oleh pihak Jarimatika pusat sebagai Francaisor. Kurangnya kawalan dan seliaan ini dikarenakan kurangnya sumber manusia yang mengurus unit-unit yang telah mendaftar di pelbagai pelosok berbanding dengan jumlah unit jarimatika yang mendaftar dan tumbuh berkembang. Sehingga pihak Pusat Jarimatika melantik pengurusan cabang (cawangan) Jarimatika Indonesia bagi bandar dan provinsi di Indonesia.<sup>16</sup>

Pelantikan pengurusan cawangan ini mempunyai matlamat untuk mengawal unit-unit jarimatika yang ada dibawah seliaannya, memberi informasi, membantu pihak pusat dalam mengadakan kursus-kursus latihan jarimatika, dan mempromosikan pelbagai alat-alat bantu mengajar serta kelengkapan penyokong dalam kelas-kelas jarimatika.<sup>17</sup> Walaupun kemudian sistem cawangan ini juga akhirnya ditiadakan kembali dan segala bentuk pengurusan dikembalikan kepada pihak Jarimatika Pusat di bandar Salatiga.

Faktor kedua adanya prinsip kepercayaan dimana pihak pusat Jarimatika yang memberi kepercayaan lebih kepada mana-mana unit dalam menjalankan kelas-kelas jarimatika, sehingga perkara sebegini memunculkan banyaknya kecurangan yang dilakukan dan pada akhirnya ada unit jarimatika tidak menunaikan kewajipan bayaran sesuai dengan kesepakatan yang dibuat dalam kontrak kerjasama Jarimatika ini.<sup>18</sup>

Perkara sebegini juga dijelaskan oleh Septi Peni Wulandani sebagai francaisor. Dalam temu bual yang diijalankan, beliau mengatakan bahawa pihak pusat mengalami kekurangan sumber manusia untuk mengatur banyaknya unit yang telah mendaftar. Banyak unit yang tidak membuat laporan ke pusat, bahkan ada yang tidak lagi menepati bayaran kerana kecurangan yang dilakukan. Bahkan sampai pernah ada satu unit yang

---

<sup>16</sup> Ibid.

<sup>17</sup> Muhammad Syaifudin (Pentadbir Jarimatika Indonesia unit Dzaki Medan), dalam temu bual dengan penyelidik, Isnin 6 Oktober 2014

<sup>18</sup> Siti Nurhidayah (Pentadbir Jarimatika Indonesia unit Annur Prima Medan), dalam temu bual dengan penyelidik, Rabu 20 Ogos 2014

disaman kerana menyalahgunakan francais Jarimatika diluar daripada kontrak yang dilakukan. Jarimatika Indonesia membawa kes tersebut ke peringkat mahkamah kerana telah melakukan perkara yang melampau.<sup>19</sup> Sehingga pihak pusat membuat polisi baru dengan mengembalikan hak-hak kepengurusan cawangan kepada pihak pusat.

Di antara faktor terputusnya kontrak Jarimatika yang dilakukan pihak unit jarimatika ini ada pula disebabkan kerana tidak mampu membayar *royalty fee* setiap bulannya. Hal ini disebabkan berkurangnya jumlah pelajar yang mendaftar dari satu sesi pengambilan ke sesi pengambilan berikutnya, yang akhirnya bayaran yang diterima daripada pelajar tidak dapat menutupi kewajibannya, sama ada untuk membayar gaji guru mahupun membayar *royalty fee* kepada pihak Jarimatika Pusat.

Muhammad Syaifudin pula mengatakan bahawa selain daripada factor-faktor di atas, bahawa semakin banyaknya pusat-pusat latihan asas matematik yang hampir sama dengan jarimatika, berkemungkinan membuat unit Jarimatika harus melakukan strategi-strategi baru untuk menghadapi persaingan dengan pusat latihan sejenis. Pihak Jarimatika Pusat pula diharapkan lebih memberikan seliaan dan membantu unit Jariamtika untuk keluar daripada permasalahan yang timbul akibat persaingan dengan pusat pendidikan lain.<sup>20</sup>

### **4.3. Perjanjian dalam Sistem Francais (waralaba) Jarimatika<sup>21</sup>**

#### **4.3.1. Model Kerjasama francais Jarimatika**

Bentuk kerjasama francais Jarimatika Indonesia adalah pemberian lesen daripada pihak Pusat selaku francaisor kepada pihak yang menerima hak lesen bagi menjalankan

---

<sup>19</sup> Septi Peni Wulandani (Pendiri Francais Jarimatika Indonesia), dalam temubual dengan penulis, Sabtu 19 April 2014.

<sup>20</sup> Muhammad Syaifudin (Pentadbir Jarimatika Indonesia unit Dzaki Medan), dalam temu bual dengan penyelidik, Isnin 6 Oktober 2014

<sup>21</sup> Di Indonesia, istilah francais dikenali dengan waralaba bermaksud keuntungan yang berlebihan. Dalam pasal 1 Peraturan Pemerintah Republik Indonesia nombor 42 tahun 2007 menyebutkan bahawa Waralaba adalah hak khusus yang dimiliki oleh orang perseorangan atau badan usaha terhadap sistem bisnis dengan ciri khas usaha dalam rangka memasarkan barang dan/atau jasa yang telah terbukti berhasil dan dapat dimanfaatkan dan/atau digunakan oleh pihak lain berdasarkan perjanjian waralaba.

sistem Jarimatika. Hak lesen dalam perjanjian Jarimatika adalah antara Hak atas Kekayaan Intelektual yang dipayungi oleh undang-undang. Istilah Hak Intelektual ini merujuk pada undang-undang yang menjelaskan bahawa hasil karya dan reka cipta dari seseorang yang dilindungi oleh hukum. Pemilik hak intelektual dalam perundang-undangan tidak dapat secara bebas diguna oleh pihak lain serta disalahguna bagi tujuan komersial dan mencari keuntungan. Apabila ada pihak yang akan mengguna hak Intelektual tersebut mestilah ia mendapat kebenaran daripada pemiliknya dan satu kerjasama antara kedua-dua pihak.

Jarimatika merupakan satu bentuk sistem dan program pendidikan yang dicipta. Bagi pihak yang berkeinginan membeli hak cipta ini haruslah dilakukan melalui satu perjanjian kerjasama yang dibuat oleh pihak pemilik dan pemegang hak intelektual. Dalam sebuah perjanjian jarimatika pembeli mestilah pula memahami secara sungguh-sungguh perkara-perkara yang berkait dengan system pendidikan ini, sehingganya pada masa hadapan tidak muncul kemusykilan. Pihak pengguna juga bersedia menanggung risiko jika mengalami kerugian tanpa melibatkan pihak pemilik Jarimatika. Perkara sebegini tercantum pada Pasal 1 Akad Perjanjian Kerjasama Jarimatika.<sup>22</sup>

Penyelenggaraan aktiviti francais Jarimatika ini merujuk kepada kaedah umum Francais dan Peraturan Pemerintah Republik Indonesia Nombor 42 tahun 2007 (seterusnya diringkas dengan PP No.42 tahun 2007) tentang Waralaba atau Francais. Peraturan ini dijadikan rujukan Jarimatika Indonesia untuk membuat kontrak kerjasama antara pihak francaisor dan francais serta kaedah umum lain untuk menjalankannya.

---

<sup>22</sup> Pasal 1 Akad Perjanjian Kerjasama Pembukaan Unit Jarimatika No: 0778.04/SPK/UNIT/BTM/JRMTK/V/2012

### **4.3.2. Hak dan Kewajipan Jarimatika Pusat dan Unit Jarimatika**

#### **4.3.2.1. Hak-hak Unit dan Jarimatika Pusat**

Perjanjian kerjasama yang dibuat antara pemilik Jarimatika dan pihak yang membelinya akan mengikat kedua-dua pihak dalam akad dan tertakluk pada aturan yang mesti dijalankan oleh kedua-duanya. Kedua-dua pihak dalam ikatan perjanjian tersebut mempunyai hak dan kewajipan sepertimana yang telah disetujui dalam akad tertulis.

Bagi pihak yang membeli lesen program pendidikan Jarimatika akan diberi kebenaran membuka satu pusat pendidikan *reguler*, dan menerima murid serta mengutip bayaran kursus yang dibuat sepertimana yang telah disetujui oleh Pusat Jarimatika. Akan tetapi unit Jarimatika hanya dibolehkan menerima murid dalam jarak kawasan 1.5 KM atau daripada seribu kepala keluarga. Hal ini dimaksudkan agar memberi kesempatan kepada unit lain sekiranya berminat untuk membuka pusat pendidikan Jarimatika yang berada dekat dengan unit yang sedia ada.

Francaisi yang membuka kelas latihan pendidikan Jarimatika ini dapat menjalankan seluruh pekej latihan yang dipunyai oleh Jarimatika. Bermula daripada level satu, level dua, level tiga dan level empat. Jarimatika tahap satu bersifat terbuka untuk masyarakat awam. Maksudnya, konsep pengiraan Jarimatika tahap satu dapat dipahami dan dipelajari oleh masyarakat secara umum. Pembeli lisensi Jarimatika pula berhak mendapat pekej promosi antaranya empat spanduk, 6 rim brosur dan 2 x-bannner, 1 MMT, pekej pendidikan berupa 20 modul level 1, 20 T-Shirt Jarimatika dan 20 beg Jarimatika, 1 pekej administrasi serta pekej Kursus Jarimatika Asas, Kursus Jarimatika Tingkat Mmenengah, dan Kursus Jarimatika Tingkat Lanjutan untuk 2 orang, selepas pembayaran biaya lisensi dibuat. Apabila kemudian pihak unit memerlukan pekej tambahan, mereka dapat membeli produk-produk yang disediakan oleh pihak pusat.

Perjanjian ini juga memberi kebenaran kepada pihak unit jarimatika untuk memberi teguran dan amaran kepada mana-mana pihak lain jika didapati membuka kelas



latihan Jarimatika yang berhampiran dengannya tanpa kebenaran Pusat Jarimatika, atau didapati mana-mana pihak merugikan Jarimatika bahkan merosak nama baik Jarimatika, maka tindakan teguran dapat pula dibuat oleh unit Jarimatika kepada pihak yang terbabit.

Perkara sebegini dibuat bagi memastikan semua pekej kursus pihak unit Jarimatika dapat dijalankan mengikut etika penggunaan daripada pihak yang hanya mendapat kebenaran sahaja. Manakala bayaran yang dibuat semasa perjanjian dibuat oleh unit Jarimatika mendapat pulangan sesuai dengan perjanjian yang dibuat. Sepertimana undang-undang kerajaan Indonesia yang melindungi pelbagai hasil karya yang didaftar kepada lembaga Hak Cipta Indonesia. Unit Jarimatika dapat membuat aduan kepada pihak Pusat Pendidikan Jarimatika jika didapati ada pihak yang menggunakan konsep dan membuka kelas Jarimatika dan mengutip bayaran yang dikuatkan dengan bukti yang menyokong perkara tersebut.

#### **4.3.2.2. Kewajipan Pusat dan Unit Jarimatika**

Di dalam akad perjanjian Jarimatika, masing-masing pihak mempunyai kewajipan yang mesti ditunaikan sepertimana yang telah ditetapkan dalam pasal 6 akad perjanjian Jarimatika tentang kewajipan. Unit Jarimatika dapat menjalankan aktiviti kursus Jarimatika di tempat yang telah ditentukan, membuka kelas ekstra kulikulum di sekolah yang berhampiran, manakala pihak Pusat Jarimatika tidak diwajibkan mengembalikan apa-apa yang telah dibayar oleh Unit Jarimatika.

Mengikut akad perjanjian, kewajipan Unit Jarimatika dibahagikan kepada dua kategori, kategori pertama berkaitan dengan kewajipan administrasi dan kategori kedua berkaitan dengan kewangan.

Kewajipan administrasi adalah kewajipan Unit Jarimatika untuk memahami dengan baik bentuk dan model perjanjian yang bakal dijalankannya, mencatat segala sesuatu yang berhubung kait dengan perkembangan Jarimatika seperti mencatat jumlah

siswa yang mendaftar, jumlah murid dalam satu kelas, dan mencatat murid yang telah tamat belajar. Laporan ini diperlukan dan disampaikan kepada pihak Pusat Jarimatika untuk mengetahui pendapatan tiap-tiap bulan dan memastikan jumlah pendapatan bersih setiap bulan.

Manakala kewajipan kewangan adalah kewajipan Unit Jarimatika untuk membayar sejumlah bayaran yang ditetapkan dalam akad perjanjian. Bayaran yang dibuat ada dua jenis. Bayaran pertama adalah bayaran yang dibuat sewaktu akad perjanjian dibuat. Bayaran ini dalam sistem francais dikenali dengan istilah *initial fee* atau dalam Francais Jarimatika disebut biaya pembelian lesen. Mengikut perjanjian yang dibuat, calon francais baru yang akan membeli lesen Jarimatika diwajibkan membayar sebanyak sebelas juta lapan ratus ribu rupiah (Rp11.800.000)<sup>23</sup>. Bayaran yang telah dibuat ini membolehkan calon francais Jarimatika membuka satu Unit Jarimatika di kawasannya dan dapat pula membuka kelas tuisyen/kelas tambahan bagi sekolah-sekolah yang berhampiran dengannya. Akan tetapi biaya yang dibayar itu tidak dapat dikembalikan oleh pihak Francaisor.

Kewajipan kewangan yang kedua ialah bayaran bulan-bulan oleh Unit Jarimatika kepada Pusat Jarimatika, dalam sistem francais disebut *royalty fee*. Dalam akad perjanjian Jarimatika pembayaran *royalty fee* ini ditetapkan sebanyak empat puluh peratus (40 %) dari penghasilan bersih. Penghasilan bersih ini dapat diketahui setelah pihak unit menolak keperluan pengeluaran lain, seperti gaji guru, sewa bangunan (jika menyewa tempat), biaya api dan biaya lain, barulah kemudian membayar 40 peratus kepada Pusat Jarimatika Indonesia.

Pembayaran ini mestilah dicatat dalam laporan bulanan secara tertulis, dengan mencantumkan perolehan yang di dapat pihak unit Jarimatika secara rinci bagi memudahkan penentuan empat puluh peratus tersebut. Apabila tidak dapat membayar tiga

---

<sup>23</sup> Sebelas juta lapan ratus rupiah (Rp11.800.000) ini kurang lebih sebanyak tiga ribu tiga ratus dalam Ringgit Malaysia (RM3300)

bulan berturut-turut disebabkan kelalaian ataupun disengaja tidak membayar, maka pihak francaisi wajib membayar tiga bulan langsung dicampur dengan denda yang telah ditentukan oleh pemilik lesen (francaisor). Oleh itu, laporan secara tertulis amatlah penting sama ada pada francais secara umum mahupun pada Jarimatika Indonesia secara khusus. Ini kerana berhubung kait dengan keadaan bayaran yang akan dibuat oleh francaisi kepada pihak Pusat Jarimatika Indonesia. Jika laporan tidak dibuat, maka akan menyebabkan masalah dalam pembayaran yang dibuat setiap bulan.

Kewajipan lain ialah, kewajipan-kewajipan yang berkaitan dengan lembaga yang berotoriti tempatan seperti Jabatan Pendaftaran izin membuka usaha dan izin membuka kelas pendidikan ialah tanggung jawab francaisi tanpa melibatkan pihak francaisor, begitu pula dengan biaya percukaian sesuai dengan Undang-Undang yang berlaku merupakan tanggung jawab francaisi untuk menunaikannya.

Sebagaimana yang telah disebut dalam perjanjian, bahawa Jarimatika merupakan antara kekayaan penemuan Intelektual atau dikenali dengan Hak Kekayaan Intelektual (HaKI) yang dilindungi oleh kerajaan Indonesia. Manakala Unit Jarimatika selaku francaisi wajib menjaga kekayaan dari perkara yang dapat merugikan, mencemarkan dan penyalahguna nama baik, program, sistem serta materi Jarimatika.

Manakala memperbanyak dan memindahkan apa-apa kandungan materi Jarimatika tanpa kebenaran pihak francaisor secara tertulis bagi tujuan menambah keuntungan adalah perkara yang dilarang. Francaisi juga tidak diberi kebenaran untuk menjalankan aktiviti francais lain yang sama dalam bentuknya dengan Jarimatika. Oleh itu, bagi menjamin perkara yang sebegitu, francaisi diwajibkan membuat laporan secara tertulis apa-apa yang telah disebutkan dalam akad perjanjian.

Dalam hal ini, penyelidik berpandangan bahawa laporan yang dibuat untuk menjamin hak dan kewajipan masing-masing pihak berjalan dengan licin, jika ada perkara-perkara yang tidak jelas maka laporan bulanan yang dibuat akan dirujuk.

Pasal 6 akad perjanjian juga mengatur kewajiban Pusat Jarimatika selaku francaisi. Pihak Pusat Jarimatika wajib menyediakan program, sistem dan materi Jarimatika yang diperlukan dalam menjalankan dan mengembangkan kursus pendidikan Jarimatika di kawasan francaisi sesuai keperluan yang telah ditentukan.

Sepertimana francais yang dijalankan secara umum, francaisor berkewajiban untuk mengadakan latihan dan kursus-kursus mengenai kaedah yang dapat mengembangkan francais Jarimatika. Seliaan juga diberikan oleh francaisor bagi memastikan permasalahan yang muncul selama menjalankan francais dapat dielakkan. Bagi memantapkan sistem pengajaran kelas Jarimatika, guru-guru juga diwajibkan mengikuti latihan kemahiran Jarimatika pada Unit Jarimatika dan pihak Pusat Jarimatika mengeluarkan sijil penyertaan yang menjelaskan kelayakan para pengajar. Dan secara berkala para pengajar dilakukan seliaan dan bimbingan sepanjang masa ia berkhidmat di Unit Jarimatika. Sijil yang diberikan itu berlaku untuk tempoh masa tertentu, dan mengikut peraturan yang dibuat akan diperbaharui dan diperpanjang, dan para pegnajar akan mengikuti tahapan kursus lainnya sesuai dengan rekomendasi pihak francaisi.

#### **4.4. Bayaran-bayaran dalam Francais Jarimatika Indonesia**

Aktiviti utama pada bidang keusahawanan ialah penggunaan biaya (*taşarruf*). Kelebihan francais daripada sistem perniagaan dan usahawanan lain ialah pulangan modal dan keuntungan yang lebih cepat dan banyak, sama ada francais bentuk perniagaan barangan mahupun perkhidmatan.

Begitu pula adanya dalam Jarimatika Indonesia, hubungan francaisor dan francaisi berlaku disebabkan adanya hubungan yang bersifat finansial untuk memperoleh keuntungan daripada aktiviti yang dijelankannya. Ada

Mengikuti pasal yang ke-7 Akad Jarimatika, pihak yang akan membuka kursus Jarimatika perlu membayar bayaran lesen (*license fee*) untuk satu unit sebanyak

Rp.11.800.000,- (sebelah juta lapan ratus ribu rupiah)<sup>24</sup> pada masa Perjanjian Kerjasama ditanda tangan dan melakukan penghantaran wang ke akun bank BCA nombor 013-0577-776 atas nama Syarikat Nusantara Semarak Karya. Pihak francaisor pula akan mendapat empat puluh peratus dari pendapatan bersih (*royalty fee*) daripada francais setiap bulan selepas pembiayaan lain dibuat.<sup>25</sup>

Mengikut penjelasan pihak Pusat Jarimatika, jumlah bayaran yang dibayar calon francais kepada francaisor mengalami beberapa tahap perubahan. Tahun 2006 jumlah bayaran sebesar Rp5.000.000 (lima juta rupiah) kemudian naik menjadi Rp9.500.000 (Sembilan juta lima ratus ribu rupiah) dan bermula tahun 2012 mengikut akad perjanjian yang baru bayaran sebanyak Rp.11.800.000 (sebelah juta lapan ratus ribu rupiah).<sup>26</sup>

Perubahan pada bayaran *initial fee* ini pula turut merubah polisi yang lain, di mana segala macam urusan dan perkara yang melibatkan Jarimatika mesti terus dilakukan ke pihak Jarimatika Pusat, bukan melalui cabang yang sebelum ini menjadi penolong Pusat bagi urusan-urusan Jarimatika di daerah. Hal ini juga dilakukan untuk memudahkan pihak Jarimatika Pusat bagi mengawal dan mengetahui langsung keadaan dan perkembangan unit-unit Jarimatika, di samping komunikasi yang dilakukan antara francais dan francasor pula diharapkan dapat berjalan dengan baik. Manakala pusat pula dapat lebih memberikan perhatian lebih kepada unit-unit yang ada.

Mengenai pendapatan bersih pula akan diperoleh setelah pembiayaan lain dilakukan dengan ketentuan yang ditetapkan pihak francaisor.<sup>27</sup> Pendapatan diperoleh daripada yuran pelajar-pelajar yang secara resmi terdaftar sebagai murid di pendidikan Jarimatika. Dalam Jarimatika Indonesia, jumlah siswa dan biaya kursus ditetapkan dalam akad perjanjian, dan bayaran yuran murid pula dibuat pada setiap awal bulan, manakala pembayaran bulanan kepada francaisor (*royalty fee*) pada bulan seterusnya.

---

<sup>24</sup> Ketetapan Rupiah berbanding Ringgit Malaysia adalah Rp 1 juta sama dengan RM 350


<sup>25</sup> Peraturan ini dapat dirujuk pada pasal ke-7 Akad Perjanjian Kerjasama Jarimatika Indonesia

<sup>26</sup> Yunita Ariyanti (Pengerusi Pusat Jarimatika Indonesia), dalam temu bual dengan penulis, 5 Mei 2014.

<sup>27</sup> Pasal ke-8 Akad Perjanjian Kerjasama Pembukaan Unit Jarimatika Indonesia

Ada tiga jenis kelas dalam sistem Jarimatika seperti jadual seperti berikut ini :

Jadual 4.3. Jenis kelas dalam sistem Pendidikan Jarimatika Indonesia



Sumber: Akad Perjanjian Jarimatika Indonesia

Pertama kelas regular, iaitu kelas yang dibuka secara khusus di tempat yang telah ditempatkan oleh francais. Kelas ini berjumlah 4 sehingga 6 murid untuk kelas kecil dan 7 sehingga 10 murid untuk kelas besar. Manakala kelas tambahan yang dibuka pada sekolah yang berhampiran iaitu berjumlah 15 sehingga 20 murid untuk kelas kecil dan seramai 20 sehingga 25 murid untuk kelas besar, dan maksimal 3 orang murid untuk jenis kelas private. Jumlah pelajar dalam kelas antara perkara yang mempengaruhi pemasukan bayaran pelajar dan kewajipan Unit Jarimatika. Bebanan akan terasa berat jika jumlah pelajar satu kelas tidak memenuhi had minimum kelas.

Mengenai yuran kursus Jarimatika Indonesia, tiap-tiap kelas berbeza antara satu jenis dengan jenis kelas lain. Setiap murid pada kelas regular membayar maksimum seratus ribu rupiah atau tidak kurang dari tujuh puluh lima ribu rupiah setiap bulan. Ketetapan besarnya jumlah bayaran mesti dilaporkan kepada pihak francais dengan menjelaskan sebab-sebab francais melakukan sebegini.

Permohonan izin kepada franchisor ini dibuat kerana perkara sebegini akan berpengaruh kepada jumlah bayaran francais kepada franchisor tiap-tiap bulannya. Apabila pihak francais memandang perlu penambahan jumlah bayaran disebabkan adanya penambahan kos penyelenggaraan kelas di tempat-tempat yang memerlukan biaya lebih, maka perlu juga dilaporkan dan meminta kebenaran kepada pihak franchisor untuk menentukan jumlah bayaran yang akan dibuat. Manakala yuran kursus bagi kelas tambahan di sekolah formal ditetapkan sebanyak dua puluh ribu tiap-tiap bulan dan kelas *private* sebanyak empat puluh ribu rupiah jika hanya seorang sahaja, tiga puluh lima ribu rupiah untuk dua orang dan tiga puluh ribu rupiah bagi tiga orang murid dalam satu kelas *private*.

Gaji guru pula dibayar mengikut ketetapan yang berbeza bagi setiap jenis kelasnya, sama ada kelas regular, kelas tambahan di sekolah formal, mahupun kelas-kelas *private*. Purata gaji yang dibayarkan kepada guru, sama ada kelas dengan jumlah murid yang maksima mahupun kelas besar (kelas dengan jumlah 10 orang) bermula daripada Rp20.000 (duapuluh ribu rupiah) sehingga Rp40.000 (empat puluh ribu rupiah) untuk satu perjumpaan.

Jadual di bawah ini adalah senarai gaji guru mengikut pasal 8 Akad Perjanjian Kerjasama Jarimatika Indonesia.

Jadual 4.4. Gaji Guru di Unit Jarimatika Indonesia

Jenis Kelas	Kategori	Gaji Guru
Reguler	Kecil	Rp. 20.000,-/perjumpaan
	Besar	Rp. 25.000,-/perjumpaan
Kelas Tambahan	Kecil	Rp. 25.000,-/perjumpaan
	Besar	Rp. 30.000,-/perjumpaan
Private	1 orang murid	Rp. 30.000,-/perjumpaan
	2 orang murid	Rp. 35.000,-/perjumpaan
	3 orang murid	Rp. 40.000,-/perjumpaan

Sumber: Pasal 8 Akad Perjanjian Kerjasama Jarimatika Indonesia.

Setelah pengeluaran dapat dijelaskan, barulah bayaran bulanan (*royalty fee*) unit Jarimatika kepada pihak pusat dapat diketahui secara pasti jumlahnya. Pihak unit Jarimatika membayar 40 peratus dari pendapatan bersih, manakala pihak francais

mendapat keuntungan sebesar 60 peratus. Walau bagaimanapun, apabila pihak unit dapat berbuat demikian sebelum tanggal 10 setiap bulan, maka ia akan mendapat penolakan sebesar 5 peratus, dan jika pembayaran dilakukan selepas tanggal 25, pihak unit Jarimatika diwajibkan membayar denda sebesar 5 peratus.

Denda juga akan dikenakan apabila pihak unit Jarimatika terlambat membuat laporan kepada pihak pusat. Apabila pihak unit Jarimatika dalam 3 (tiga) bulan secara berurutan lalai membayar *royalty fee*, maka pihak Unit Jarimatika wajib membayar semua jumlah *royalty fee* selama tiga bulan dicampur dengan denda sepertimana dalam jadual di bawah;

Jadual 4.5. Pembayaran Denda disebabkan Terlambat Membuat Laporan

Pembayaran	Denda
Bulan ke-4 (empat)	25 % x (3 bulan <i>royalty fee</i> )
Bulan ke-5 (lima)	50 % x (4 bulan <i>royalty fee</i> )

Sumber: Pasal 8 Akad Perjanjian Kerjasama Jarimatika Indonesia

Apabila pada bulan ke-6 pihak Unit Jarimatika belum membuat bayaran, maka pihak Pusat Jarimatika menanyakan permasalahan dan sebab Unit Jarimatika belum membuat bayaran sepertimana dalam perjanjian akad francais Jarimatika. Pihak Pusat Jarimatika juga akan menawarkan seliaan untuk mencari jalan keluar, atau membuat perjanjian baru kepada pihak Unit Jarimatika yang lebih sederhana agar kelas Jarimatika tetap beroperasi. Daripada temu bual yang dilakukan, Ibu Septi mengatakan bahawa yang sangat diperlukan daripada pihak unit adalah kejujuran dengan cara memberi informasi yang benar tentang permasalahan yang sebenar berlaku pada unitnya, apabila tidak dapat menunaikan kewajipannya, dapatlah menyampaikannya dan bersama pusat mencari permasalahan yang berlaku.<sup>28</sup>

Alasan dan sebab dari pihak Unit Jarimatika sangat diperlukan jika pihak Unit Jarimatika mengalami permasalahan dalam menjalankan aktiviti di tempatnya. Ini

<sup>28</sup> Septi Peni Wulandani (Pendiri Francais Jarimatika Indonesia), dalam temubual dengan penulis, Sabtu 19 April 2014.



penting bagi memastikan Jarimatika tetap berjalan dengan baik dan pihak pengurus pusat pula dapat membantu mencari jalan keluar dari permasalahan. Akan tetapi jika laporan tidak bulanan tidak dibuat, maka akan pihak Pusat tidak dapat memastikan sama ada pihak unit tetap menjalankan aktivitasnya atau tidak. Dalam temu bual dengan pihak Pusat Jarimatika mengatakan bahawa denda yang terdapat dalam akad perjanjian tidak dijalankan secara kaku, akan tetapi ada kesempatan untuk duduk bincang tentang permasalahan yang dihadapi.<sup>29</sup> Jika selepas itu pihak Unit Jarimatika tidak memberi jawapan maka izin menggunakan hak penyelenggaraan latihan dan pendidikan Jarimatika Indonesia akan dicabut.

Walaupun begitu, isu denda dalam pandangan Ibu Septi dibuat tidak bersifat kaku, kerana tujuan awal daripada pendirian Jarimatika ini untuk membantu para ibu mengajarkan kaedah asas matematik kepada anak-anaknya. Ada kesempatan untuk berbincang secara kekeluargaan untuk memastikan aktiviti Jarimatika di Unit tetap berjalan.<sup>30</sup> Namun begitu, pada keadaan dimana pihak Unit Jarimatika tidak memberi kerjasama yang baik, maka barulah tindakan diambil sesuai dengan apa yang disepakati mengikut akad perjanjian Jarimatika.

Walaupun begitu, mengenai denda dan kontrak perjanjian, pihak Jarimatika Pusat sebagai franchisor pernah memutuskan hubungan dengan salah satu unit jarimatika sekitar 6-10 unit sahaja daripada 132 cawangan dan hampir 200 unit lebih yang pernah mendaftar sebagai francais. Hal itu kerana mereka telah melanggar perjanjian yang disepakati bersama, dan tidak dapat mematuhi sebarang pendekatan penyelesaian daripada permasalahan yang berlaku.<sup>31</sup> Dalam hal ini penyelidik memandang perlunya

---

<sup>29</sup> Ibid.

<sup>30</sup> Ibid.

<sup>31</sup> Yunita ariyanti (Pentadbir Pusat Jarimatika Indonesia), dalam temu bual dengan pengkaji, 4 februari 2015.

membuat penyelidikan secara khas tentang faktor-faktor yang boleh mengukuhkan lagi jalinan hubungan antara *francaisor* dan *francaisi*.

#### **4.5. Analisis Pelaksanaan *Al-Musharakah* Dalam Sistem Jarimatika Indonesia**

Sebelum membincangkan analisis kajian konsep *al-Mushārah* dalam sistem Jarimatika Indonesia, pengkaji menjelaskan hubungan Jarimatika dengan konsep *francais* secara umumnya.

Sepertimana yang telah dijelaskan pada bahagian terdahulu bahawa selain keuntungan yang akan diperolehi, ada 3 unsur di dalam sistem Jarimatika, unsur pertama ialah *francaisor* iaitu pihak yang memiliki sistem dan kaedah menjalankan aktiviti keusahawanan. Unsur kedua ialah *francaisi* iaitu pihak yang membeli lesen daripada *francaisor* dengan bayaran tertentu untuk dapat memiliki hak untuk menjalankan sistem *francais* Jarimatika Indonesia sesuai dengan kaedah yang ditetapkan dalam akad perjanjian kerjasama yang dibuat dan disepakati kedua-dua pihak.

Manakala unsur ketiga ialah modal. Modal dalam *francais* Jarimatika dikeluarkan oleh kedua-dua pihak. Modal yang dikeluarkan oleh *francaisi* adalah sejumlah wang yang dibayar kepada *francaisor* yang dikenal dengan *initial fee*, manakala modal *francaisor* pula berupa sistem dan mekanisma operasi Jarimatika, meliputi penyeliaan, arahan, modul-modul belajar, latihan dan kursus tingkat asas Jarimatika. Dengan adanya kewajipan yang dibebankan oleh antara kedua-dua pihak, maka hal ini akan mewujudkan jalinan hubungan yang lebih berkualiti dengan motivasi yang kuat serta melakukan bentuk-bentuk polisi yang strategik.<sup>32</sup>

---

<sup>32</sup> Gillian C. Hopkinson dan Sandra Hogarth , “Franchise Relationship Quality: Micro-Economic Explanations”, *European Journal of Marketing*, MCB University Press, Vol. 33 No. 9/10 (1999), 827-843.

Faktor pengurusan,<sup>33</sup> personaliti yang baik pada franchisor dan franchisee,<sup>34</sup> serta menjaga kepercayaan<sup>35</sup> antara kedua-dua pihak dapat menjadi factor bagi menjaga kewujudan sesebuah syarikat francais secara berkekalan. Hal ini yang menbezakan antara francais dengan perniagaan yang lain, dimana faktor hubungan yang kukuh kontrak kerjasama yang dibuat.

Bentuk francais pula sepertimana yang dibincang pada bab tiga mempunyai dua bentuk umum, iaitu bentuk francais jenama dan perniagaan produk,<sup>36</sup> manakala bentuk kedua ialah francais dalam format perniagaan.

Karakteristik francais bentuk jenama dan perjualan produk, franchisor memberi hak kepada franchisee untuk menjual dan menggunakan keluaran (*product*) yang dicipta dan dikembangkan oleh francais dengan keizinan yang diberi. Izin dari pihak franchisor pula diberikan setelah franchisee membayar sejumlah bayaran yang ditentukan (*initial fee*) dan memperoleh keuntungan dari penjualan produknya. Contohnya francais penjualan produk jenama stesen minyak Petronas, Petron, Shell atau Caltex (jenama syarikat pengeluar minyak di Malaysia). Seseorang yang membeli lesen penjualan jenama dan produk minyak boleh membuka stesen minyak dan menjualnya kepada masyarakat. Sebagai franchisor, pihak syarikat Petronas, Petron, Shell dan Caltex pula mendapat keuntungan dari penjualan minyak oleh franchisee yang dibeli daripada franchisor.

Pada francais jenis format perniagaan pula pihak franchisee menjalankan semua proses bimbingan, arahan, sistem, format yang telah ditetapkan oleh pihak franchisor.

---

<sup>33</sup> Jorg Sydow, "Franchise Systems as strategic network: Studying Network Leadership in the Service Sector", *Asia Pacific Journal of Marketing and Logistic* (1998), 108-112.

<sup>34</sup> Scott Weaven, Debra Grace dan Mark Manning, "Franchisee personality An examination in the context of franchise unit density and service classification, *European Journal of Marketing*, Emerald Group Publishing Limited 43, no. 1 (2009), 90-109.

<sup>35</sup> Darin W. White, "The Impact Of Marketing Strategy Creation Style On The Formation Of A Climate Of Trust In A Retail Franchise Setting", *European Journal Marketing, European Journal of Marketing* 44, no. 1 (2010), 162-179

<sup>36</sup> Noraini Ibrahim, *Industri Francais dan Pembangunan, Malaysia, Singapura dan Indonesia analisis strategik*, ed. ke-2 (Kualalumpur: UM, 2002), 23

bentuk francais sebegini merujuk kepada kaedah perniagaan berpakej yang meliputi cop dagang, Hak Kekayaan Intelektual (HaKI),<sup>37</sup> jenis keluaran barang, perkhidmatan, pelan pasaran, pelan pengurusan, kawalan terhadap kualiti, perakaunan, program latihan dan pelan periklanan. Francaisi akan dibimbing sehingga mampu menjalankan aktiviti francais dengan baik. Jika ia telah memahami konsep francais format perniagaan ini, ia dapat mengembangkan aktivitinya tanpa melanggar perjanjian yang telah dibuat bersama francaisor.<sup>38</sup>

Setelah dijelaskan perbezaan bentuk francais yang berkembang di dunia usahawanan, pengkaji berpandangan bahawa sistem francais Jarimatika ini termasuk dalam bentuk francais format perniagaan. Konsep francais yang dijalankan Jarimatika Indonesia ialah konsep pembelian lesen oleh francaisi untuk membuka kelas-kelas seliaan belajar asas matematik selama tempoh lima tahun. Dalam perjanjian yang dibuat, francaisi berhak menjalankan semua pakej yang diberikan oleh pihak francaisor, francaisi juga diberi izin untuk mengembangkan format yang sedia ada, contohnya pemilihan tempat belajar, cara pengambilan pelajar, periklanan, juga kaedah pentadbiran pelajar di dalam kelas-kelas Jarimatika. Perkara-perkara sebegini tidak diatur secara khusus dalam akad perjanjian. Oleh itu, francaisi dalam melakukan perkara-perkara yang sedemikian dibolehkan setelah berbincang dan disampaikan kepada pihak francaisor. Laporan pula perlu dibuat secara tertulis supaya francaisor dapat menimbang ke atas keputusan yang diambil.

Dalam temu bual yang dilakukan oleh penulis, Ibu Septi Peni Wulandani mengatakan :

---

<sup>37</sup> Hak Kekayaan Intelektual ialah hak yang dimiliki oleh seseorang berupa idea dan sistem yang dihasilkan daripada pemikiran dan penelitian seseorang akan satu objek kajian, menghasilkan sebuah produk yang berguna bagi masyarakat dan alam sekitar, dilindungi dan diatur oleh perundang-undangan. Lihat Buku Panduan Hak Kekayaan Intelektual Direktorat Jendral Hak Kekayaan Intelektual, Departemen Hukum dan Hak Asasi Manusia Republik Indonesia, 3. dan Ahmad Fauzan, S.H., LL.M., *Perlindungan Hukum Hak Kekayaan Intelektual*, (Bandung: Yrama Widya, 2004), 5.

<sup>38</sup> Awalan Abdul Aziz, *Perniagaan Francais di Malaysia, Perspektif dan Panduan* (Kualalumpur: Persatuan Francais Malaysia, 1999), 12.

Pihak Pusat memberikan kesempatan kepada unit Jarimatika untuk mengembangkan konsep belajar Jarimatika, strategi belajar yang lebih selesa dan berkesan, bagi menambahbaik sistem pendidikan dan latihan yang telah disediakan pihak pusat. Akan tetapi pihak unit Jarimatika perlu membuat laporan dan menjalin komunikasi kepada pihak pusat sesuai dengan akad perjanjian kerjasama yang dipersetujui.<sup>39</sup>

Sebagai contoh dalam pemilihan tempat, pihak francaisor tidak mewajibkan adanya syarat-syarat khusus seperti lokasi, pengaturan tata letak hiasan dalaman, penggunaan warna khusus atau perkara-perkara lainnya. Bahkan pihak pusat memberi cadangan untuk membuka kelas di rumah tempat tinggal francais terlebih dahulu tanpa harus menyewa atau membina bangunan khusus. Akan tetapi bagi unit Jarimatika yang mampu membina sendiri atau menyewa bangunan rumah kedai, pihak pusat memberi kebenaran pihak unit untuk berbuat demikian. Akan tetapi pihak unit harus membuat laporan secara tertulis kepada pihak pusat, ini karena bangunan yang disewa mengeluarkan kos lebih tinggi berbanding dengan kelas yang dibuat di rumah atau tempat yang tidak mengeluarkan kos sewaan.

Dalam hal ini, antara yang pernah melakukan perkara demikian adalah unit Jarimatika Payakumbuh yang ditadbir oleh Fonike Cornelia. Dalam temu bual beliau mengatakan :

Alhamdulillah, Jarimatika yang saya pimpin saat ini masih ramai diminati masyarakat sekitar. Sampai Januari tahun 2015 ini ada 135 orang murid yang belajar di kelas Jarimatika. Mereka tersebar dalam 15 kelas dan diajar oleh 5 orang guru. Antara kunci sukses yang kami capai adalah sentiasa mengikuti perkembangan Jarimatika dengan cara selalu mengikuti arahan dan petunjuk yang diberi, serta selalu menjalin komunikasi aktif dengan Ibu Septi sebagai pendiri Jarimatika ini.<sup>40</sup>

Unit Jarimatika Payakumbuh ini pada peringkat awal menggunakan rumahnya sebagai kelas Jarimatika, segala bentuk tunjuk ajar dan seliaan yang disampaikan oleh pihak pusat ia lakukan dan diterapkan seratus peratus. Bahkan segala bentuk dekorasi dan

---

<sup>39</sup> Septi Peni Wulandani ( Pendiri Francais Jarimatika Indonesia), dalam temubual dengan penulis, Sabtu 19 April 2014.

<sup>40</sup> Fonike Cornelia (Pentadbir Jarimatika Indonesia unit Payakumbuh), dalam temu bual dengan penyelidik, Khamis 6 November 2014

hiasan dalaman kelas belajar direka sepertimana yang ada di Pusat Jarimatika. Apa yang dilakukan oleh Fonike Cornelia sehingga kini terus berkembang dan dapat bertahan dengan jumlah murid saat ini seramai 135 orang pelajar. Secara aktif pula unit Jarimatika Payakumbuh ini mengikuti pelbagai perjumpaan dan bengkel-bengkel serta seminar-seminar yang diadakan pihak Pusat Jarimatika. Ini antara unit yang secara aktif menjalin hubungan dan komunikasi yang baik kepada pihak pusat. Manakala pihak pusat pula memberi tindak balas positif kepada unit yang secara aktif menjalin hubungan dan menjalankan kewajipannya.

Penyelidik mendapati pula pada unit yang lain menjalankan francais Jarimatika ini sesuai dengan kontrak perjanjian dan menunaikan kewajipannya, akan tetapi mereka lebih banyak menunggu pihak Pusat Jarimatika untuk memberikan seliaan dan bimbingan khusus. Pada akhirnya unit berkenaan melakukan strategi-strategi baru dengan cara membuka sekolah formal dan menjadikan Jarimatika antara salah satu kelas tambahan bagi memastikan kelas-kelas Jarimatika yang sedia ada tetap berjalan. Hal ini dilakukan juga kerana semakin banyaknya pusat-pusat latihan dan pendidikan asas matematik yang membuka cawangan, terutama di bandar-bandar besar. Keadaan ini pula sebagaimana yang dialami oleh unit Jarimatika Dzaki Medan. Pentadbir unit ini mengatakan, bahawa persaingan antara lembaga pendidikan yang serupa semakin ramai di bandar besar, maka setiap unit perlu melakukan usaha lebih dan strategi yang lebih baik sehingga unit yang dibuka tetap berjalan.

Dalam temu bual yang dilakukan, Muhammad Syaifudin mengatakan:

Saat ini di Medan telah ramai berdiri pusat-pusat tuisyen yang mengajarkan metode pengiraan asas matematik. Kami berharap pihak pusat mau memberikan perhatian lebih dan mencari strategi baru dalam mempertahankan keberadaan Jarimatika di tengah-tengah persaingan, bukan hanya menerima laporan bulanan daripada unit.<sup>41</sup>

---

<sup>41</sup> Muhammad Syaifudin (Pentadbir Jarimatika Indonesia unit Dzaki Medan), dalam temu bual dengan penyelidik, Isnin 6 Oktober 2014

Bahawa hubungan yang terjalin selama ini hanyalah bersifat laporan bulanan sahaja, iaitu laporan tentang perkembangan jumlah pelajar dan bayaran *royalty fee* kepada Pusat. Unit ini mengharapkan pihak pusat memberikan strategi baru dalam menghadapi persaingan yang semakin ketat dikarenakan semakin ramainya pusat latihan lain. Manakala komunikasi dan perhatian secara rutin kepada tiap-tiap unit pula perlu dibuat lebih kerap bagi menjalin hubungan dan menjaga konsistensi dan semangat para *francaisi* sepertimana yang tertulis dalam kontrak perjanjian.

Berbincang tentang perspektif mu'amalah Islam, akad perjanjian ialah antara perkara yang diharuskan sepanjang dibuat dalam aturan yang tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip keadilan. Sebenarnya, jika alam rujukan yang ditulis para ulama terdahulu, perniagaan *francais* belumlah dikenal secara khas. Kaedah-kaedah yang berkaitan dengan perniagaan *francais* ini dapat menggunakan asas-asas hukum perniagaan dalam Islam dan akad perjanjian dalam Islam, serta secara khusus perbincangan tentang konsep *al-mushārahah*.

Merujuk pada asas-asas perniagaan dalam Islam perlu dilakukan, kerana jika yang menjadi kandungan aktiviti *francais* ialah bentuk jualan barang yang dikeluarkan oleh *francaisor*, seperti *francais* yang bergerak di bidang perniagaan sama ada perniagaan makanan, pakaian, ataupun perniagaan barang lainnya. Oleh itu, asas yang perlu dipegang ialah syarikat *francais* berkenaan tidak melakukan perniagaan yang mempunyai unsur *gharār*, *maysir*, dan perbuatan zhalim sepertimana yang telah dibincang pada bab dua terdahulu.<sup>42</sup>

Manakala asas-asas yang berkaitan dengan konsep akad perjanjian adalah dirujuk, dikeranakan kontrak *francais* ini lebih dekat kepada kesepakatan dan perjanjian untuk melakukan kerjasama bagi menjalankan sistem ataupun memasarkan barangan serta menggunakan jenama yang dipunyai oleh *francaisor*. Merujuk pandangan al-Zuhaylī

---

<sup>42</sup> Atikullah Hj. Abdullah, "Penetapan Syarat dalam Akad Perniagaan: Kedudukan dan Garis Panduannya Menurut Fiqh Islam," *Jurnal Syariah* 15, no.1 (2007), 16.

bahawa keadaan dimana dua pihak atau lebih membuat satu kerjasama yang disepakati dalam satu akad kontrak yang menjelaskan hak-hak dan kewajiban setiap pihak terhadap harta dan keuntungan dinamakan dengan *al-mushārahah fī al-'uqūd* (perjanjian kerjasama dengan akad).<sup>43</sup> Oleh itu, perniagaan francais itu pula dapat dikatakan sebagai salah satu bentuk daripada *al-mushārahah*, walaupun penyelidik dapati bahawa tidak semua kaedah kontrak *al-mushārahah* wujud dalam francais secara umum dan Jarimatika Indonesia secara khusus.

Mengenai kandungan kerjasama, walaupun secara asasi kontrak kerjasama dibuat secara bersama-sama antara dua pihak atau lebih. Kedua-dua pihak dapat menentukan bentuk dan syarat dalam berkontrak, sepertimana kaedah umum dalam prinsip mu'amalah Islam menyebutkan bahawa asas dalam mu'amalah ialah harus.<sup>44</sup> Keharusan yang dimaksud adalah apa-apa sahaja perkara dapat dibuat selagi mana tiada nash dan hukum secara khusus mengaturnya. Mana-mana pihak pula dapat membentuk kontrak secara sukarela dan dipersetujui bersama.

Walau bagaimanapun, keharusan yang dimaksud itu bukanlah pula kebebasan tanpa batasan. Kerana dalam syari'at Islam ada prinsip dan kaedah lain yang memberi batasan ke atas sifat kebebasan itu.<sup>45</sup> Contohnya, kontrak yang mengandungi elemen *ribā*, *gharār* atau sebagainya, sekalipun dipersetujui oleh pihak yang terlibat, namun jika unsur-unsur itu ada di dalam sesebuah kontrak perjanjian, maka perkara sebegitu tidak dibenarkan dalam Islam.

Oleh itu, Dewan Syari'ah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) mengeluarkan fatwa tentang pembiayaan-pembiayaan konsep *al-mushārahah* pada tahun

---

<sup>43</sup> Wahbah al-Zuhailī, *Al-Fiqh al-Islamī wa Adillatuh*, ed. ke-3 (Damsyik: Dār al-Fikr, 1989), 4:794.

<sup>44</sup> Dalam pelbagai macam akad dan transaksi yang tidak dijelaskan secara terperinci oleh dalil nash tentang keharusan dan keharamannya, tiada di dalamnya perkara-perkara yang bersifat riba' dan bahaya, maka ianya menjadi harus sepertimana kaedah uşūliyyah al-Aşlu fī al-Aşhyā' al-Ibāhah, ertinya asas dalam segala perkara itu ialah harus. Kaedah ini dirujuk pada 'Abd al-Karīm Zaidān, *Al-Wajīz fī Sharḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, ed. Ke-1 (Damaskus: Muassasah al-Risālah Nāshirūn, 2011), 183.

<sup>45</sup> Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *al-Mustaşfā* (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 1:9. Lihat pula Abū Ishāq Ibrāhīm al-Shātībī, *al-Muwāfaqāt fī Uşūl al-Aḥkām*, (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.)1: 194.



2000 bagi memastikan segala bentuk kerjasama yang dibuat oleh mana-mana pihak tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip asasi dalam mu'amalat yang diredai Allah SWT.

Dalam fatwa nombor 08 tahun 2000, DSN-MUI menyebutkan empat asas yang mesti diperhatikan dalam pembiayaan *mushārahah*, pertama mengenai akad yang harus dibuat secara jelas dan tertulis, kedua tentang pihak yang berkontrak mestilah orang yang dapat menjadi wakil bagi pihak lainnya, kompeten dan mengetahui secara baik asas-asas kontrak, ketiga bahawa pengiraan modal dan keuntungan mesti jelas dan difahami kedua-dua pihak, dan yang keempat pembiayaan operasional dibebankan kepada modal bersama.

Fatwa yang dikeluarkan ini memberi asas bagi apa-apa perjanjian yang melibatkan modal dan meraih keuntungan. Sebab tidak semua orang mempunyai kemampuan untuk menjalankan perniagaan tanpa melibatkan pihak lain. Bagi pihak yang tidak mempunyai sebarang modalpun dapat melakukan kontrak kerjasama, asalkan syarat-syaratnya dapat terpenuhi.

Konsep Jarimatika Indonesia antara satu bentuk *francais* yang mempersetujui ikatan kerjasama antara pihak Pusat Jarimatika sebagai *francaisor* yang memilik jenama dan sistem dengan pihak Unit Jarimatika sebagai *francaisi* yang menggunakan hak membuka kelas bimbingan matematik asas. Kontrak kerjasama keduanya dibina di atas perjanjian yang mengikat dalam tempoh tertentu.<sup>46</sup>

Dalam Islam, kontrak kerjasama antara dua pihak atau lebih ini dikenal dengan istilah *al-mushārahah*, iaitu ikatan kerjasama antara dua pihak atau lebih dalam modal dan keuntungan.<sup>47</sup> Manakala ikatan kedua-dua pihak itu menyebabkan adanya hak dan kewajiban antara satu pihak ke atas pihak lain, sama ada harta mahupun barang.<sup>48</sup> Kedua-

---

<sup>46</sup> Perkara sebegini dapat dirujuk pada Peraturan Pemerintah Republik Indonesia Nombor 42 tahun 2007 tentang Waralaba (*francais*)

<sup>47</sup> Al-Imām Kamāl al-Dīn Muḥammad Ibn ‘Abd al-Wāhid al-Sīwāsī al-Sakandarī Ibn al-Hamām al-Ḥanafī, *Sharḥ Faṭḥ al-Qadīr ‘alā al-Hidāyah* (Beirut: Dār al-Fikr, 1995), 6: 143.

<sup>48</sup> Sham al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Khatīb al-Sharbaynī, *Al Iqnā’ fī Hilli Alfāzi Abī Shujā’* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, jilid 2, 2004), 70. Lihat pula Sham al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad

dua pihak dapat menggunakan hak tersebut untuk *bertaṣarruf* bagi mendapat keuntungan yang telah disepakati.<sup>49</sup>

Bagi memastikan keselarian kontrak perjanjian sistem *français Jarimatika* dengan konsep *mu'amalah* Islam, pengkaji akan membincangkan tiga perkara yang ada dalam *français Jarimatika Indonesia*, pertama terbentuknya perjanjian kerjasama iaitu perbincangan tentang rukun-rukun yang syarat *al-mushārah* dalam sistem *Jarimatika Indonesia*, kedua ialah perbincangan tentang bayaran-bayaran dalam *français* ini iaitu isu *initial fee, royalty fee, denda* dan perbincangan ketiga tentang tamatnya kontrak perjanjian *Jarimatika Indonesia*.

Pengkaji mendapati bahawa dalam kontrak perjanjian *Français Jarimatika Indonesia* mempunyai unsur-unsur yang terdapat dalam konsep *al-mushārah* sepertimana yang telah dibincangkan oleh para ulama. Dalam *al-mushārah* ada rukun dan syarat-syarat sepertimana yang telah dibincang pada bab dua. Jumhur Ulama sepakat bahawa dalam *al-mushārah* itu ada unsur-unsur yang mesti ada, iaitu *al-muta'āqidān* (dua pihak yang berakad), akad perjanjian dan harta sebagai modal untuk mendapat keuntungan.

*Al-muta'āqidāni* dalam *français Jarimatika Indonesia* ialah pemilik sistem pendidikan *Jarimatika Indonesia* atau dalam *français* dikenal dengan *françaisor* dan pihak Unit *Jarimatika* selaku *françaisi*. Pemilik sistem *Jarimatika* ialah pentadbir pusat *Jarimatika* yang membuka peluang kepada mana-mana pihak yang berminat untuk bekerjasama dalam menjalankan pusat latihan dan bimbingan matematik asas. Manakala Unit *Jarimatika Indonesia* ialah pihak yang diberi hak untuk menjalankan aktiviti bimbingan matematik asas di tempat ia bertempat tinggal. Kedua-dua pihak merupakan

---

al-Khatīb al-Sharbaynī, *Mugnī al-Muhtāj Ilā Ma'rifati Ma'ānī Alfāzi al-Minhāj* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1997), 2: 274.

<sup>49</sup> Shams al-Dīn Abī al-Farj 'Abd al-Rahmān Ibn Abī 'Umar Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn Qudāmah al-Muqaddasī, *Al-Sharh al-Kabīr 'alā Matan al-Miqnā'* (Beirut: Dār al Fikr, t.t.), 3: 109.

rukun yang mesti ada dalam kontrak perjanjian. Tanpa adanya salah satu pihak, kontrak perjanjian tidak akan wujud.

Kedua-dua pihak saling mengikat dengan kontrak perjanjian. Wujud kontrak perjanjian Jarimatika Indonesia dibuat secara tertulis menyangkut hal ehwal perjanjian yang mengatur hubungan kedua-duanya dalam tempoh lima tahun dan disempurnakan dengan pembayaran dan tanda tangan kedua-dua pihak. Ini menunjukkan bahawa perjanjian tersebut telah dibuat sesuai dengan hukum *syara'* dan perundangan yang berlaku di Indonesia. Pengkaji berpandangan bahawa kesepakatan dengan menandatangani perjanjian ini merupakan bentuk ijab dan qabulnya sesuatu perjanjian.

Secara umum Ijab dan qabul ialah perkara yang mesti ada dalam setiap jenis kerjasama dan perjanjian. Kedua-duanya merupakan rukun asasi dalam mana-mana aktiviti mu'amalat Islam. Persetujuan antara satu pihak dengan pihak lainnya diwujudkan dalam ijab dan qabul. Kedua-dua pihak akan mengungkapkan sama ada bersetuju ataupun tidak. Ijab dan qabul ini pula akan mengikat kedua-dua pihak dalam sesebuah perjanjian.<sup>50</sup>

Mengenai kontrak yang tertulis dan laporan perkembangan aktiviti Jarimatika sebenarnya tidak ada nash yang *ṣarīh* atau jelas yang mewajibkan ataupun melarangnya. Sama ada dalam al-Qur'ān mahupun dalam Hadīth Nabi. Maka hukum asal daripada perkara tersebut merupakan sesuatu yang harus sepertimana kaedah asal dalam bermu'amalah. Akan tetapi bagi mengelakkan permasalahan yang muncul jika tidak ditulis, maka kontrak yang dibuat mestilah dicatatkan. Perbuatan mencatat segala transaksi dalam perjanjian kerjasama yang berkaitan dengan perkara kewangan

---

<sup>50</sup> Ijab secara umum diertikan sebagai ungkapan penawaran dari satu pihak dalam menjalin hubungan kepada pihak lain, manakala pihak yang lain menerimanya, maka hal itu disebut dengan qabul. Jumhur Ulama bersepakat bahawa ianya menjadi rukun mana-mana akad perjanjian. Bahkan di kalangan Hanafiah ijab dan qabul ini satu-satunya rukun akad. Wujudnya ijab dan qabul ini secara tidak langsung melibatkan pula kedua-dua pihak yang bekerjasama. Lihat Muḥammad Yūsuf Mūsa, *Al-Fiqh al-Islāmy*, ed.ke-3(Mesir: Dār al-Kitān al-'Araby, 1958), 322. Lihat pula Wahbah al-Zuhailī, *Al-Fiqh al-Islamī wa Adillatuh*, ed. ke-3 (Damsyik: Dār al-Fikr, 1989), 4: 92

merupakan antara kaedah yang akan mendatangkan kebaikan dan menolak kemudharatan bagi setiap pihak yang terlibat. Dalam kaedah ushuliyah, kaedah ini dinamakan *Sadd al-dharī'ah* ( سد الذريعة ) atau mengelak daripada kemudharatan yang muncul di kemudian hari bagi mendapat mashlahah. Di kalangan madhhab *Malikī* dan *Hanbalī*, kaedah ini dijadikan sebagai dalil hukum untuk memperoleh *maṣlahah*.<sup>51</sup>

*Maṣlahah* adalah satu matlamat utama daripada ditetapkannya hukum Islam bagi seorang muslim. Ianya adalah satu manfaat yang wujud dalam setiap ketetapan hukum. Secara khasnya dalam fiqh muamalat, hubungan seorang dengan seorang lain terkadang tidak selalu berjalan dengan lancar dan baik. Dengan melebihkan asas manfaat dalam muamalat, maka permasalahan yang berlaku dapatlah terselesaikan dengan baik.

Perkara sebegini disebutkan dalam al-Qur'ān surat al-Baqarah ayat 282 tentang kewajipan mencatatkan transaksi hutang piutang dalam masa tertentu. Sama ada yang memberi hutang mahupun yang menerima hutang, kedua-dua pihak wajib mencatatkan jumlah hutang piutangnya. Allah berfirman :

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ وَلْيَكْتُب بَيْنَكُمْ  
كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ ... ﴿٢٨٢﴾

Al-Baqarah 2: 282

Terjemahan: Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu bermuamalah tidak secara tunai untuk waktu yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan benar.

Pencatatan yang dilakukan akan mengelakkan perselisihan yang akan berlaku di kemudian hari. Boleh jadi yang berhutang akan mendakwa bahawa ia telah membayar hutang, manakala pihak yang memberi hutang pula mengatakan tidak pernah menerima wang yang dibayarkan kepadanya. Ataupun sebaliknya, pihak yang berpiutang menagih

---

<sup>51</sup> ‘Abd al-Karīm Zaidan, *al-Wajīz fī Sharḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* (Beirut: al-Muassasah al-Risālah, 1987), 250.

hutang, padahal yang berhutang telah melunasi hutang yang dipinjamnya. Perkara sebegini seringkali berlaku kepada urusan-urusan yang berkaitan dengan di dalam masyarakat. Oleh itu perlu setiap akad perjanjian hutang dicatat oleh kedua-dua pihak sama ada dalam jumlah yang kecil mahupun yang besar agar lebih adil, menguatkan kesaksian dan mengelakkan daripada keragu-raguan. Allah berfirman:

...ذَلِكَمُ أَفْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ وَأَقْوَمُ لِلشَّهَادَةِ وَأَدْنَىٰ أَلَّا تَرْتَابُوا...

Al-Baqarah 2: 282

Terjemahan: ...Yang demikian itu agar lebih adil di sisi Allah SWT, dan lebih menguatkan kesaksian dan lebih mendekatkan kamu agar tidak ragu-ragu...

Apabila membandingkan antara perjanjian hutang piutang dan kontrak perjanjian kerjasama Jarimatika, maka pengkaji melihat adanya kesamaan ‘*illat*’ hukum keduanya. Pencatatan hutang piutang dan kontrak perjanjian Jarimatika yang ditulis serta laporan setiap bulan yang dilakukan oleh unit Jarimatika akan mengelakkan perkara yang akan merugikan kedua-dua pihak. Perkara ini sudah menjadi sesuatu yang lazim dan biasa dilakukan oleh mana-mana pihak dalam aktiviti yang berkaitan dengan kewangan. Kebaikan akan diperolehi jika segala bentuk transaksi dan laporan diserahkan secara tertulis. Kerana ianya juga akan menjadi bukti pada masa ianya diperlukan.

Walaupun dalam Islam dituntut saling percaya, akan tetapi ianya sering kali dapat disalahguna oleh salah satu pihak jika tidak diikuti dengan prinsip yang lain. Kaedah laporan secara tertulis akan menjadi bukti dan memudahkan seorang percaya kepada apa yang telah dilakukan dan dihasilkan. Dalam kontrak perjanjian Jarimatika, segala bayaran dan keuntungan yang diperolehi mestilah dicatat dan dilaporkan. Perkara ini mengelakkan sebarang kecurangan yang akan berlaku. Selepas itu barulah prinsip kepercayaan diguna. Keadaan inipun terkadang tidak menjamin seratus peratus kejujuran itu selalu muncul daripada salah satu pihak. Terbukti daripada pengakuan Jarimatika Pusat, bahawa ada unit yang melakukan kecurangan-kecurangan selama dalam kontrak kerjasama. Iaitu

tidak sesuai jumlah keuntungan yang seharusnya dibayarkan dengan keuntungan sebenar, mereka-reka laporan yang bukan sebenar bagi memperoleh keuntungan yang lebih besar. Perkara ini tidaklah mustahil berlaku dalam mana-mana perjanjian. Apalagi jika laporan itu tidak dilakukan secara tertulis.

Perkara lain yang terdapat dalam kontrak perjanjian francais Jarimatika Indonesia itu ialah modal dan keuntungan. Kedua-dua pihak mempunyai hak dan kewajiban *bertaṣarruf* terhadap modal atau harta yang dikeluarkan. Secara umum modal dalam perniagaan dan keusahawanan ialah wang. Akan tetapi dalam sistem *al-mushārah* sepertimana yang dibincang pada bab dua bahawa tidak hanya wang yang boleh dijadikan modal dalam bersyarikat. Dalam *shirkah al-wujuh* contohnya, modal yang dikeluarkan salah satu pihak ialah barang niaga, manakala modal yang dimiliki oleh pihak lainnya ialah komitmen untuk menjualkan barang perniagaan. Seseorang boleh meyakinkan pemilik barang bahawa ia sanggup dan dapat dipercaya untuk menjual barang niagaanya dengan imbalan sebahagian daripada keuntungan yang diperoleh sesuai dengan kesepakatan bersama.

Begitu juga dari segi nilai, dalam kerjasama atau kontrak perjanjian tidaklah mesti modal yang dikeluarkan para pihak mempunyai nilai yang sama, contohnya seorang boleh mengeluarkan modal sebanyak seribu ringgit (RM1000) dan pihak lain mengeluarkan seribu ringgit (RM1000), atau masing-masing pihak dapat mengeluarkan nilai modal mengikut kemampuan para pihak yang terlibat. Contohnya pihak pertama mengeluarkan modal sebanyak seribu ringgit (RM1000) dan pihak kedua lima ratus ringgit (RM500). Kerjasama sebegini merupakan bentuk kerjasama *shirkah al-‘inān* sepertimana yang dibincang pada bab dua. Bahawa pada zaman Rasulullah SAW, beliau pernah meminjamkan tanah khaibar kepada seorang Yahudi untuk bercucuk tanam dengan keuntungan dibahagi dua. Hadith riwayat Imam al-Bukhāri :

حدثنا موسى بن إسماعيل، حدثنا جويرية بن أسماء، عن نافع، عن عبد الله رضي الله عنه، قال: أعطى رسول الله صلى الله عليه وسلم خيبر اليهود، أن يعملوها ويزرعوها ولهم شطر ما يخرج منها.

Terjemahan: Telah dikhabarkan oleh Musa Ibn Isma'il kepada kami, telah dikhabarkan akan kami oleh Juwairiyah ibn Asma' dari Nafi bahawasanya Abd Allah RA berkata: bahawa Rasulullah SAW telah memberi tanah Khaibar kepada seorang Yahudi untuk menggunakannya untuk bercucuk tanam, dan bahagian mereka separuh daripada hasil yang dikeluarkannya.<sup>52</sup>

Hadith di atas juga menyebutkan bentuk modal yang dikeluarkan bukanlah dalam bentuk wang. Modal yang disediakan Rasulullah SAW berbentuk peminjaman tanah, manakala modal pihak Yahudi adalah aktiviti bercucuk tanam di atas tanah tersebut dengan pembahagian keuntungan separoh bagi masing-masing pihak.

Begitu pula dengan sistem kontrak kerjasama Jarimatika Indonesia, pengkaji berpandangan, bahawa modal yang dikeluarkan oleh pihak francaisor adalah sistem francais Jarimatika yang mengikut perundangan di Indonesia merupakan antara bentuk kekayaan intelektual atau harta dalam bentuk idea serta beberapa perangkat belajar sepertimana yang telah dijelaskan pada bahagian terdahulu, manakala modal yang dikeluarkan francaisor ialah sejumlah wang yang diserahkan kepada francaisor dalam jumlah tertentu atau dikenal dengan *initial fee*.

Akan tetapi berbincang mengenai *royalty fee* perubahan *initial fee* yang ditentukan oleh Jarimatika Indonesia berjumlah Rp11.800.000 yang sebelum ini sebesar Rp5.000.000 dibuat bagi memastikan apa-apa perkara yang menjadi kewajipan Jarimatika Pusat sesuai dengan kontrak yang dibuat selama 5 tahun dapat tertunai dengan baik. Biaya yang dikeluarkan itu penyelidikan berpandangan ianya sebagai seleksi semula jadi bagi sesiapa yang akan menceburi Jarimatika. Dimana calon francaisor yang akan membuka

---

<sup>52</sup> Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī. Lihat Abū 'Abdillāh Muḥammad ibn Ismā'il al-Bukhārī, *Al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j.2, Kitāb al-Ijārah, Bāb 'idhā ista'jara ardhān famāta aḥaduhumā no. 2285, ed. ke-1 (Kaherah: al-Maṭba'ah al-Salafiyyah, 1403 H.), 138.

unit Jarimatika ialah mereka yang benar-benar mempunyai komitmen dan agar mereka lebih menjaga hubungan kontrak perjanjian dengan hati-hati serta lebih memberi tumpuan kepada pendidikan dan latihan Jarimatika ini. Biaya yang besar yang telah dikeluarkan akan menjadi satu motivasi untuk mempertahankan kerjasama yang dibuat. Inipula yang menyebabkan berkurangnya masyarakat awam untuk menyertai jenis perniagaan ini kerana besarnya *initial fee* yang akan dikeluarkan.

Berbeza dengan periode awal berdirinya Jarimatika Indonesia, *initial fee* ditetapkan sebesar Rp5.000.000, sehingga dengan biaya yang sangat murah, ramai pihak yang mendaftar dan membuka unit Jarimatika. Akan tetapi kemudian, seiring berjalan waktu, ramai unit yang menutup kelas-kelas jarimatika dan memutuskan kontrak yang dibuat dengan pelbagai sebab sepertimana yang telah dijelaskan pada bahagian yang lepas. Ada yang disebabkan berkurangnya jumlah pelajar, sehingga unit mengalami kesulitan untuk membayar *royalty fee*. Ada pula yang menutup kelas jarimatika dikarenakan pentadbir unitnya pindah ke bandar lain dan memutuskan untuk tidak membuka kelas jarimatika lagi. Ada pula yang tetap bertahan di tengah-tengah persaingan kelas asasi matematik dan pada masa yang sama berkurangnya seliaan serta perhatian pihak franchisor. Manakala unit yang secara aktif menjalin hubungan lebih rapat kepada pihak franchisor dapat bertahan bahkan mempunyai pelajar yang ramai.

Keuntungan pula akan diperoleh daripada pendapatan bersih franchisi dengan nisbah empat puluh peratus untuk franchisor dan enam puluh untuk franchisi. Nisbah pembahagian ini dalam perjanjian yang dibuat dapat juga berubah di atas budi bicara pihak franchisor, jika franchisi merayu kerana alasan ketidakmampuan franchisi. Dalam temu bual, pihak franchisor juga mengatakan demikian, bahawa jika franchisi dalam keadaan berat dengan pembahagian nisbah keuntungan, dapat mengajukan rayuan kepada pihak franchisor.<sup>53</sup>

---

<sup>53</sup> Septi Peni Wulandani (Pendiri Francais Jarimatika Indonesia), dalam temubual dengan penulis, Sabtu 19 April 2014.



Faktor yang membuat berat pembayaran 40 peratus kepada pihak Pusat Jarimatika ialah kerana jumlah murid yang tidak mencukupi jumlah yang sebenar dalam satu kelas. Pembayaran elaun kepada guru pengajar juga akan terjejas. Perkara ini sepertimana ungkapan salah satu unit Jarimatika tentang pembahagian nisbah keuntungan.

Keadaan berat akan dirasai oleh Unit Jarimatika, jika murid yang mendaftar pada kelas Jarimatika tidak mencukupi jumlah maksimum. Akan tetapi jika murid yang mendaftar ramai, maka pembayaran *royalty fee* akan dirasa sesuai dan wajar.<sup>54</sup>

Jika keadaan susah dan murid yang tidak mencukupi jumlah kelas, pihak unit mesti membuat laporan kepada pihak pusat agar dapat dipertimbangkan pembahagian keuntungan yang diperoleh kedua-dua pihak. Pada keadaan sebegini, pihak pusat akan memberikan seliaan dan bimbingan dengan memberi cadangan-cadangan akan sesuatu yang akan mengeluarkan pihak unit dalam dari permasalahan yang dihadapi.

Perkara ini pengkaji lihat ialah sikap lentur daripada pihak pusat bagi memastikan pihak unit tidak mengalami kesusahan dalam menjalankan usahanya. Sikap ini pula pengkaji pandang sebagai satu kaedah di mana pihak Pusat memastikan agar pihak unit tetap mendapat manfaat dari sistem francais Jarimatika Indonesia. Perkara sebegini amat dikehendaki dalam sistem mu'amalah Islam. Ini kerana adanya hubungan dua hala antara pihak yang terlibat secara harmonis dalam perniagaan dan kerjasama yang dijalankan.

Dalam mu'amalah Islam, perkara yang dicapai secara umum ialah *maṣlahah* atau manfaat dan kebaikan daripada apa yang diusahakan. Dan ini merupakan matlamat utama daripada penetapan hukum Islam (*maqāṣid al-sharī'ah*). Tercapainya kebaikan ialah perkara yang utama dalam kehidupan manusia itu sendiri.<sup>55</sup>

---

<sup>54</sup> Siti Nurhidayah (Pengerusi Jarimatika Indonesia unit Annur Prima Medan), dalam temubual dengan pengkaji, Rabu 20 Ogos 2014.

<sup>55</sup> Muḥammad Ṭāhir 'Ashūr, *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, ed.ke-2 (Oman: Dār al-Nafāis, 2001), 415 dan Aḥmad al-Raisunī, *Nazariyyah al-Maqāṣid 'inda al-Imām al-Shātībī* (Herndon: The International

Mengenai perbandingan rukun-rukun perjanjian kerjasama yang ada dalam Islam dengan unsur-unsur yang terdapat dalam *français* secara umum dan Jarimatika Indonesia secara khusus dapat dilihat daripada jadual perbandingan seperti berikut ini :

Jadual 4.6. : Perbandingan Rukun pada *Al-Mushārahah*, *Français* dan Jarimatika Indonesia

Item	<i>Al-Mushārahah</i>	<i>Français</i>	Jarimatika Indonesia
<i>Al-Mushtarikān</i>	✓	✓	✓
<i>Ṣighah</i>	✓	✓	✓
Modal	✓	✓	✓
Keuntungan	✓	✓	✓

Daripada jadual di atas kita dapat melihat bahawa kedua-dua sistem perniagaan, sama ada *Français* mahupun Jarimatika Indonesia mempunyai kesamaan dengan konsep mu'amalah Islam. Di dalam *Français* dan Jarimatika kedua-duanya mempunyai unsur-unsur yang terdapat dalam sistem mu'amalah Islam. Rukun-rukun yang terdapat pada kontrak *al-mushārahah* dapat dijumpai pada perjanjian *français* dan perjanjian Jarimatika Indonesia. Akan tetapi terdapat istilah sebutan yang berbeza antara ketiganya *al-mushtarikāni* bagi *français* ialah *françaisor* dan *françaisi*, manakala dalam perjanjian Jarimatika Indonesia ialah Pusat dan Unit Jarimatika Indonesia.

Mengenai *ṣighah*, sepertimana yang dimaklumi bahawa ianya merupakan ungkapan keinginan satu pihak untuk membuat satu kerjasama dengan pihak lainnya, dan pihak lainnya menerima keinginan tersebut. *Ṣighah* ini pula dapat diertikan sebagai *ijāb* dan *qabūl* yang dibuat oleh pihak yang akan membuat satu ikatan hubungan.

Dalam *français* dan Jarimatika Indonesia perkara yang dapat mengikat di antara dua pihak yang bekerjasama adalah perjanjian secara tertulis yang ditandatangani oleh mereka berdua. Akad perjanjian yang tertulis ini dapat dikatakan sebagai *ṣighah*. Ini

---

Institute of Islamic Thought, 1992), 7. Dan lihat pula Mustafā al-Zarqā', *al-Madkhal al-Fiqh al-'Am*, (Damsyik: Dār al-Qalam, 1998), 1: 102.

kerana di dalamnya terdapat hal ehwal perjanjian yang ditawarkan, dan jika bersetuju francais dapat menerimanya dengan menandatangani akad tersebut. Terkhusus dalam kontrak perjanjian Jarimatika Indonesia, perjanjian ini disaksikan oleh dua orang saksi dan menandatangani pada lembaran terakhir daripada akad perjanjian tersebut.

Berikut ini adalah beberapa istilah yang ada dalam kontrak *al-mushārahah*, perjanjian francais secara umum dan perjanjian Jarimatika Indonesia secara khusus:

Jadual 4.7. : Penjelasan Istilah-istilah pada *Al-Mushārahah*, Francais dan Jarimatika Indonesia

<i>Al-Mushārahah</i>	Francais	Jarimatika Indonesia
<i>Al-Mushtarikān</i>	Francaisor dan Francaisi	Pusat Jarimatika dan Unit Jarimatika
<i>Ṣighah (Ījab dan Qabūl)</i>	Perjanjian Tertulis	Perjanjian Tertulis dan tanda tangan kedua-dua pihak yang disaksikan oleh dua orang saksi
<i>Ra'su al-Māl (Modal)</i>	Initial Fee dan pemberian hak/penggunaan sistem Francais	Pembayaran lesen dan pemberian hak/penggunaan sistem Jarimatika
<i>Ribḥ (Keuntungan)</i>	Keuntungan	Empat puluh peratus daripada pendapatan bersih untuk Pusat dan enam puluh peratus daripada pendapatan bersih untuk unit Jarimatika

Daripada jadual di atas dapat dilihat bahawa terdapat perbezaan istilah. *Al-mushtarikān* dalam francais adalah francaisor dan francaisi, dan di dalam konsep Jarimatika Indonesia disebut dengan Pusat Jarimatika dan Unit Jarimatika. Manakala istilah *Ṣighah* dalam francais dan Jarimatika adalah perjanjian tertulis yang ditandatangani oleh kedua-duanya beserta dua orang saksi.

Isu yang muncul daripada perniagaan francais Jarimatika Indonesia lainnya ialah denda yang dibebankan kepada Unit Jarimatika. Mengikut akad perjanjian, sekiranya pihak Unit Jarimatika terlambat membuat laporan tanpa khabar berita dalam tempoh tiga bulan berturut-turut kerana lalai dan tidak pula membuat bayaran *royalty fee*, maka Unit Jarimatika tetap membayar sebanyak tiga bulan ditambah dengan ketentuan

denda sepertimana yang telah disebut pada muka surat 104. Akan tetapi dalam temu bual daripada beberapa unit Jarimatika dan penjelasan daripada pihak Pusat Jarimatika, biasanya tidak adanya laporan yang dibuat sampai beberapa bulan, tiga bahkan ada yang lebih daripada itu, dan dalam keadaan demikian pihak Pusat Jarimatika akan menganggap unit tersebut tidak lagi mendapat hak-haknya sebagai pemegang lesen. Oleh itu, secara automatik perjanjian Jarimatika Indonesia antara kedua-duanya tidak lagi diteruskan.

Akan tetapi dalam sistem mu'amalah Islam, tidak dijumpai pandangan ulama yang mengenal istilah denda dalam kontrak *al-mushārahah*. Di bawah ini dapat dilihat jadual perbandingan kewajipan bayaran pada *al-mushārahah*, Francais dan Jarimatika Indonesia.

Jadual 4.8. : Perbandingan Bayaran pada *Al-Mushārahah*, Francais dan Jarimatika Indonesia

Bayaran	<i>Al-Mushārahah</i>	Francais	Jarimatika Indonesia
Modal	<i>Ra'sul Māl</i>	Initial Fee	Pembelian Lesen
Kewajipan Francaisor	-	-	-
Kewajipan Francaisi	-	Royalty Fee	Royalty Fee
Denda	-	Denda	Denda
Hak yang diperoleh Francaisor	-	Sebahagian peratus diambil terus sebelum ditolak, sebahagian lain daripada keuntungan bersih	Empat puluh peratus (40 %) daripada keuntungan bersih
Hak yang diperoleh Francaisi	Keuntungan	Keuntungan mengikut kontrak	Enam puluh peratus (60%) daripada keuntungan bersih

Dalam kontrak *al-mushārahah* kewajipan bayaran hanya diwajibkan pada *ra'sul māl* atau harta yang akan dijadikan modal, sama ada wang atau perkara lain yang bernilai, serta keuntungan yang diperoleh daripada perniagaan kerjasama tersebut. Berbeza dengan francais dan Jarimatika Indonesia, kedua-duanya menerapkan *royalty fee* dan denda dalam kerjasama perniagaannya.

Maka daripada itu pengkaji berpandangan bahawa perniagaan Jarimatika Indonesia telah menepati kontrak *al-mushārah* pada rukun-rukunnya, akan tetapi pada kewajipan bayaran yang dilaksanakan tidak menepati dan sesuai dengan kontrak *al-mushārah*.

#### **4.6. Kesimpulan**

Perniagaan francais ialah antara satu konsep kontrak perjanjian dua pihak atau lebih ke atas pemasaran sesebuah produk dan bentuk perkhidmatan. Kelebihan yang dimiliki francais ialah sistem yang sudah diuji kejayaannya, mempunyai satu struktur dan sistem yang baik, modal yang sedikit dengan pulangan yang agak lumayan.

Dalam Islam konsep kerjasama ini dibenarkan selama ianya dibuat secara adil, jelas, tidak ada tipuan dan jika ada barang yang dijual, ianya tidak termasuk ke dalam barang haram yang dilarang oleh syari'at Islam.

Secara khusus, tidak dijumpai asas hukum mengenai perniagaan francais ini dalam Islam, akan tetapi kontrak kerjasama yang dibuat dalam perniagaan francais ini dapat merujuk pada asas hukum perniagaan dalam Islam, konsep kerjasama dalam Islam (*al-mushārah*) dan konsep dalam Islam. Oleh itu para ulama memberi batasan pada perniagaan ini yang terus berkembang. Batasan yang dibuat itu berkaitan dengan modal yang dikeluarkan, bentuk kerjasama, syarat-syarat pihak yang melakukan kontrak kerjasama serta syarat keuntungan yang akan diperolehi oleh kedua-dua pihak. Sehingga antara satu jenis francais dengan francais lain berbeza jenis *shirkahnya*

Jarimatika Indonesia ialah satu syarikat yang bergerak dalam bidang pendidikan, berkembang ke wilayah-wilayah di Indonesia dengan sistem francais. Mengikut analisa pengkaji, kontrak perjanjian Jarimatika Indonesia ada bentuk francais format perniagaan, di mana selaku francais, mereka diberi keleluasaan untuk menentukan beberapa perkara yang menjadikan jarimatika lebih baik, antaranya ialah pemilihan tempat dan strategi

pembelajaran dalam kelas. Para francaisi pula diberi kelapangan untuk berkeaktiviti dalam penggunaan metode dan pendekatan pasar kepada masyarakat di sekitar francaisor

Bayaran di awal perjanjian serta keuntungan yang diperoleh adalah sesuatu yang diharuskan. Manakala konsep Jarimatika yang dimiliki oleh francaisor merupakan harta yang di'itiraf oleh perundang-undangan dan ulama kontemporari.

Jika melihat kepada rukun-rukun kontrak perjanjian yang dibuat oleh Jarimatika, dalam perspektif fiqh mu'amat pula mempunyai kesamaan dengan konsep *al-mushārah*. Daripada kandungan akad tertulis dan jawapan dari beberapa pihak yang ditemu bual, pengkaji berpandangan bahawa kerjasama francaisor dan francaisi di Jarimatika Indonesia tidak menepati konsep *al-mushārah* secara penuh. Ini disebabkan adanya kewajipan pembayaran *royalty fee* oleh francaisi kepada francaisor serta adanya kewajipan denda dalam pelaksanaannya apabila pihak francaisi tidak menepati perjanjian yang telah ditetapkan.

Walaupun begitu, kewajipan *royalty fee* itu dapat dibenarkan, kerana Jarimatika menetapkan ianya dibayarkan sebesar empat puluh peratus daripada keuntungan bersih francaisi. Sehingga pengkaji memandang perkara ini tidaklah memberi bebanan kepada francaisi kerana biaya sewa tempat, air dan api serta gaji guru telah dikeluarkan terlebih dahulu.